

Jilid II
Bil. 37



Hari Selasa
26hb Oktober, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4101]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4131]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pembantu-pembantu Hospital (Pendaftaran)
[Ruangan 4131]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.,
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI
BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K. S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN MOHAMED SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHAMED ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN
(Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALIENG
(Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHAMED TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.
(Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Star).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.R. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 26hb Oktober, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SYARAT PESARAAN PEGAWAI
TENTERA

1. Raja Naron bin Raja Ishak minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) syarat-syarat yang membolehkan seseorang Pegawai Tentera (tentera darat, laut dan udara) dari pangkat Brigadier General dan ke atas bersara;
- (b) samada Ketua Turus Tentera Udara Marsyal Muda Udara Datuk Sulaiman Sujak dan Ketua Turus Tentera Laut Laksamana Muda Datuk K. Thanabalasingam telah diminta bersara mengikut syarat-syarat tersebut; dan
- (c) siapakah pengganti-pengganti mereka, umur mereka masing-masing dan tempoh masa mereka berkhidmat dalam Angkatan Tentera.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Peraturan-peraturan yang dipakai bagi persaraan pegawai-pegawai tentera berpangkat Brigadier Jeneral atau setaraf ke atas adalah:

- (i) Peraturan 18, Federation Army (Retired Pay, Pensions, Gratuities and Other Grants) Regulations, 1961 yang membolehkan persaraan seseorang pegawai berpangkat Brig. Jen. ke atas oleh kerana:

- (a) meningkat umur persaraan wajib, iaitu 55 tahun atau

- (b) meningkat umur persaraan pilihan (optional age) iaitu 50 tahun; dan

- (ii) Peraturan 22, Federation Army (Retired Pay, Pension, Gratuities and Other Grants) Regulations, 1961 yang membolehkan persaraan seseorang pegawai bagi sebab-sebab tidak ada prospek kenaikan pangkat, tidak ada jawatan yang sesuai untuk diberikan atau untuk kepentingan perkhidmatan selain daripada tingkah laku yang tidak diingini (other than misconduct).

(b) Ya.

- (c) Lantikan akan diuruskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Nama-nama mereka akan diumumkan sebaik-baik sahaja keputusan dibuat oleh pihak berkuasa itu.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar kedua-dua orang pegawai ini cuma berumur 41 tahun sahaja dan walaupun mereka telah berkhidmat sebagai Brigadier Jeneral selama lebih kurang sembilan tahun, tetapi mereka masih muda dan boleh berkhidmat dengan Angkatan Tentera barangkali sembilan tahun lagi

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalan Yang Berhormat ini? Nampaknya membuat keterangan sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Oleh itu, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan mengapakah kedua-dua pegawai ini telah disuruh bersara begitu muda?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, soalan mengapa itu adalah soalan lain. Adapun soalan pada mesyuarat yang sama dan saya akan menjawabnya apabila sampai masanya kelak.

SEKIM INSURAN SOSIAL KEPADA PETANI

2. Tuan Sibut Miyut Tagong minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah apa-apa rancangan untuk mengkaji kemungkinan meluaskan sekim insuran sosial kepada petani, peladang dan nelayan oleh kerana mereka ini bekerja sendiri dan tiada berpeluang mendapat jaminan K.W.S.P. berbeza dengan pekerja-pekerja bergaji di dalam bandar.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Abdullah Majid): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya satu kajian sedang dijalankan pada masa ini oleh seorang pegawai dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (I.L.O.) yang berkhidmat dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial untuk memeriksa kemungkinan meluaskan sekim insuran sosial kepada petani, nelayan dan mereka yang bekerja sendiri.

PENGAMBILAN GAMBAR OLEH B.B.C. LONDON

3. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa B.B.C. London telah mengambil gambar T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang semasa beliau sedang memandu kereta dengan riangnya, dan jika ya, nyatakan adakah Kementerian beliau telah memberi kebenaran terlebih dahulu kepada pihak B.B.C. London untuk berbuat demikian.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua:

- (i) Kementerian ini tidak sedar dan tidak pernah memberi kebenaran kepada pihak B.B.C. London atas perkara tersebut.
- (ii) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kebenaran tidak perlu oleh kerana tidak ada undang-undang kawalan terhadap syarikat-syarikat asing membuat filem mengenai negara kita.
- (iii) Penapisan juga tidak dibuat kerana filem tersebut tidak ditayangkan dalam negeri.

(iv) Pada pendapat saya, filem tersebut membawa gambaran yang baik bagi Malaysia oleh kerana menunjukkan keadaan keamanan dalam negara hinggakan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sendiri memandu kereta dengan riang gembira.

KENYATAAN TALIVISIYEN SAMAD ISMAIL

4. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan implikasi-implikasi terhadap pimpinan, dasar dan pentadbiran Kerajaan akibat kenyataan Samad Ismail di Talivisyen pada bulan lalu yang mengatakan bahawa pemimpin-pemimpin UMNO mulai bergantung kepadanya dan bahawa beliau "dapat mendekati pucuk pimpinan UMNO dan melalui mereka juga saya telah berjaya mempengaruhi pemimpin-pemimpin UMNO yang penting melihat sesuatu masalah dan memecahkan sesuatu masalah mengikut cara saya", dan jenis dan hasil penyiasatan Kerajaan ke dalam ramifikasi-ramifikasi dan implikasi-implikasi kenyataan talivisyen Samad Ismail itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memadailah soalan ini dengan jawapan yang saya buat semalam waktu saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Maran, bersabarlah sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengeluarkan satu kenyataan sedikit hari lagi.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat itu berfikir bahawa

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang hendak tambah itu!

Tuan Embong bin Yahya: Inilah yang saya hendak bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada apa-apa jawapan, sama seperti apa yang dijawab semalam.

KONTREK FELDA

5. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada benar bahawa kontrek FELDA seperti kontrek menebang, membersihkan tanah serta menjaga tanaman sebelum diserahkan kepada peneroka dan kontrek baja dibolot (monopoly) oleh segolongan kontrektor sahaja. Jika tidak sila nyatakan nama-nama kontrektor yang telah mendapat kontrek tersebut dan nilai kontreknya semenjak tahun 1974 dan di antaranya berapakah nilai kontrek yang diberi kepada kontrektor-kontrektor Bumiputra.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar sekali-kali bahawa kontrek FELDA dibolot oleh segolongan kontrektor sahaja. Sistem pemberian kontrek FELDA adalah mengikut peraturan-peraturan yang tertentu iaitu peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Ahli-ahli Jawatankuasa Pemberian Tender FELDA adalah terdiri dari pegawai-pegawai kanan FELDA dan juga wakil Perbendaharaan Persekutuan. Semua bekalan dan kontrek yang bernilai \$200,000 atau lebih adalah diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan FELDA dan ahli-ahlinya terdiri daripada ahli-ahli Lembaga FELDA termasuk wakil dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan juga Perbendaharaan Persekutuan. Semua bekalan/kontrek yang bernilai \$1,000,000 atau lebih adalah diluluskan oleh pihak Perbendaharaan Persekutuan. Selain daripada itu FELDA juga mematuhi peraturan-peraturan pembelian/kontrek yang ditetapkan oleh Bank Dunia, Tabung Pembangunan Saudi dan Tabung Kuwait kerana banyak daripada projek-projek FELDA, adalah dibiayai dengan pinjaman-pinjaman daripada punca-punca tersebut. Mengenai penyertaan Bumiputra dalam pembekalan, perkhidmatan dan kontrek, angka-angka yang berkenaan adalah seperti berikut:

Tahun						Jumlah Nilai Bekalan, Kontrek Perkhidmatan	Peratus Yang Diberi Kepada Bumiputra	Peratus Yang Diberi Kepada Bukan Bumiputra
1974	...	...	...	...	...	\$ 61,218,194.54	23.7%	76.3%
1975	...	...	...	...	...	\$184,674,708.59	26.3%	73.7%
1976 (Sehingga 30-9-76)	...	...	...	...	...	\$135,746,075.20	37.7%	62.3%

Maklumat-maklumat khususnya bagi kontrek-kontrek menebang dan lain-lain dan kontrek-kontrek baja adalah seperti berikut:

(1) KONTREK-KONTREK MENEBAK DAN LAIN-LAIN

Tahun						Nilai \$	%
1973/1974	...	Bumiputra	...	...	...	11,998,096.75	26.1
	...	Perkongsian—Bumiputra, Bukan Bumiputra	...	...	...	15,562,037.16	33.9
	...	Bukan Bumiputra	...	...	...	18,359,577.50	40.0
		JUMLAH	...	...	...	45,919,711.41	100.0
1974/1975	...	Bumiputra	...	...	...	9,129,744.85	17.4
	...	Perkongsian—Bumiputra, Bukan Bumiputra	...	...	...	1,385,993.64	2.6
	...	Bukan Bumiputra	...	...	...	41,966,455.06	80.0
		JUMLAH	...	...	...	52,482,193.55	100.0
1975/1976	...	Bumiputra	...	...	...	8,001,160.20	17.0
	...	Perkongsian—Bumiputra, Bukan Bumiputra	...	...	...	2,696,949.20	5.7
	...	Bukan Bumiputra	...	...	...	36,429,769.42	77.3
		JUMLAH	...	...	...	47,127,878.82	100.0

1976/1977	...	Bumiputra	...	...	...	...	6,693,507.12	23.1
(Hingga 30-9-76)		Perkongsi—Bumiputra, Bukan Bumiputra	...	...	...	...	1,905,260.32	6.6
		Bukan Bumiputra	...	...	...	...	20,352,402.16	70.3
		JUMLAH	...				28,951,169.60	100.0

(2) KONTREK-KONTREK BAJA

Tahun							Nilai \$	%
1974	...	...	Bumiputra	...	...	...	1,597,050.00	5.9
			Bukan Bumiputra	...	...	...	25,451,285.84	94.1
			JUMLAH	...			27,048,335.84	100.0
1975	...	...	Bumiputra	...	...	...	16,306,070.50	35.6
			Bukan Bumiputra	...	...	...	29,467,979.29	64.4
			JUMLAH	...			45,774,049.79	100.0
1976	...	...	Bumiputra	...	...	...	26,346,421.96	50.8
			Bukan Bumiputra	...	...	...	25,488,774.38	49.2
			JUMLAH	...			51,835,196.34	100.0

Daripada sini kita lihat bahawa trend penyertaan bumiputra dalam penyertaan kontrak adalah meningkat dari setahun ke setahun. Mengenai nama-nama kontraktor-kontraktor yang telah mendapat kontrak seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat, oleh kerana senarai ini adalah sangat panjang berjumlah 9 muka saya tidak bercadang hendak mengambil masa Dewan ini untuk membacakan nama-nama syarikat ini. Kalau Ahli Yang Berhormat berkehendakkannya saya sanggup memberi senarai ini. Terima kasih.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Sungguhpun kontraktor bumiputra telah bertambah daripada setahun ke setahun tetapi apakah sebab-sebabnya maka peratusan yang diberikan kepada kontraktor bumiputra selama ini terlalu kecil jika dibandingkan dengan mereka yang bukan bumiputra. Apakah sebabnya?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebab yang peratusan penyertaan bumiputra dalam kontrak-kontrak ini terlalu rendah ialah pertama sekali angka penender-penender bumiputra yang memasuki tender ini adalah kecil dibandingkan dengan kontraktor-kontraktor atau penender-penender yang bukan bumi-

putra, terutama sekali dalam lapangan atau dalam bidang specialised kontrak seperti engineering, pembangunan dan pembekalan mills kilang dan lain-lain lagi seperti kejuruteraan membuat jalanraya dan culvert. Tetapi semenjak tahun tujuh puluhan penyertaan bumiputra adalah lebih bergiat lagi.

Selain daripada itu ialah kekurangan pengalaman dari kontraktor-kontraktor bumiputra menjalankan kerjanya iaitu kekurangan pengalaman dalam job know-how. Juga kekurangan pengalaman daripada segi pengurusan wang modal (financial management) dan juga kekurangan pengalaman untuk menaksir harga (quotation) tawaran-tawaran kontrak-kontrak itu. Oleh kerana kekurangan pengalaman inilah tawaran yang diberi oleh penender-penender bumiputra kadang-kadang terlampau tinggi, oleh itu tidak berjaya dalam tendernya dan kadangkala terlampau rendah yang mana mengakibatkan kerugian kepada mereka.

Di dalam hal ini, pihak FELDA telah mengambil langkah supaya kontrak-kontrak kecil diberi kepada bumiputra dengan bertujuan supaya memberi pengalaman kepada mereka. Selain dari itu juga ialah mengenai kesusahan daripada pihak kontraktor bumiputra untuk mendapat kewangan terutama sekali di masa-masa yang sangat genting di

mana mereka menghendaki wang tetapi kurang dapat pertolongan, dan juga kesusahan untuk mendapat bekalan-bekalan (material).

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa satu daripada sebabnya ialah kontrektr bumi-putra kekurangan pengalaman di dalam hal-hal kontreknya. Tetapi pernah berlaku di mana seorang pegawai kanan FELDA yang telah berpengalaman lebih daripada 7 tahun di dalam perkara menebas, menebang, membersihkan tanah berhenti daripada FELDA kemudian menubuhkan sebuah syarikat dan membuat tender kepada kerja seperti itu yang beliau mempunyai pengalaman yang cukup. Namun demikian beliau pun juga . . .

Tuan Yang di-Pertua: Itu keterangan bukan pertanyaan. Apa soalan tambahannya?

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Jadi pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah orang yang berpengalaman seperti itupun tidak mendapat kontrak dengan FELDA, bagaimana Timbalan Menteri menerangkan perkara ini.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Seperti kata Yang Berhormat tadi orang ini mempunyai pengalaman dalam menebas, menebang tetapi mungkin beliau tidak mempunyai pengalaman tentang financial management, bantuan kewangan dan pengalaman dalam penaksiran dan lain-lain lagi. Selain dari itu, suka saya menegaskan di sini bahawa sistem pemberian tender sepertimana yang dilakukan oleh FELDA dan juga Badan-badan lain iaitu atas prinsip the lowest evaluated tender terutama sekali mengenai sekim-sekim yang dijalankan oleh FELDA di mana perbelanjaan pembangunan dan pengusahaan ladang, baja dan perumahan dan lain-lain lagi adalah dibiayai oleh settlers itu atau peneroka-peneroka itu sendiri; wang ini terpaksa dibayar balik oleh peneroka-peneroka ini kepada pihak FELDA. Oleh itu pihak FELDA mestilah mendapatkan satu tender yang serendah-rendahnya supaya mengurangkan bebanan kepada peneroka-peneroka itu sendiri. Saya rasa tidak wajar bagi kita untuk mengkayakan seorang dua at the expense of the settlers.

KAPAL MINYAK SHOWA MARU/ DIEGO SILANG—PENCEMARAN DI SELAT MELAKA

6. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa berikutan dengan tenggelamnya Kapal Minyak Jepun Showa Maru dan Kapal Minyak Filipina di perairan Selat Melaka beberapa masa yang lalu:

- (a) berapa banyakkah nilai pencemaran alam yang telah berlaku di perairan Selat Melaka akibat tenggelamnya kapal-kapal yang berikut itu;
- (b) adakah kedua-dua negara tersebut telah menjelaskan pembayaran ganti-rugi seperti yang dijanjikan dan berapakah besar bayaran ganti-rugi itu;
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil dayausaha bagi penubuhan sebuah badan antarabangsa bagi mengawal pencemaran di Selat Melaka dan Asia Tenggara; dan
- (d) apakah langkah-langkah dan usaha Kerajaan bagi mengawal lalu lintas kapal-kapal di Selat Melaka dan melindungi dari kerosakan dan pencemaran.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini menyentuh masaalah kerosakan ekoloji di mana perseutujuan biasanya amatlah sukar dicapai. Walau bagaimanapun mengikut tafsiran kita, kerosakan yang dialami ialah dalam lingkungan \$22 juta bagi Kapal Minyak "Showa Maru". Mengenai Kapal Minyak "Diego Silang" pula nilai kerosakan ekoloji masih dikaji oleh Kementerian saya.
- (b) Kedua-dua negara, Jepun dan Filipina masing-masingnya telah menyatakan hasrat mereka agar pembayaran ganti-rugi dilakukan dengan secepat mungkin. Tetapi sehingga ini sebarang pembayaran masih belum diterima lagi.
- (c) Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kumpulan Pakarpakar ASEAN mengenai Pencemaran Laut telah mengkaji perkara ini dengan teliti dua tahun dahulu dan berpendapat bahawa setiap negara mestilah

merangka rancangan kontijensinya sendiri untuk mengawal pencemaran minyak. Dalam hubungan ini kita telahpun mengadakan Rancangan Kontijensi Kebangsaan yang telahpun diluluskan oleh Jemaah Menteri. Pada masa ini tender-tender sedang dipelawa untuk memperolehi alat-alat yang diperlukan di bawah Rancangan ini. Hanya inilah satu cara yang praktikal untuk menghadapi masalah pencemaran laut. Walau bagaimanapun negara-negara yang berkenaan akan bekerjasama di antara satu sama lain melalui pertukaran maklumat dan kepakaran. Dari segi ini memanglah terdapat langkah yang selaras untuk mengatasi masalah-masalah pencemaran laut di rantau ini.

- (d) Selain daripada langkah-langkah yang saya sebutkan di dalam jawapan (c) Kerajaan juga sedang berusaha untuk mengadakan Sekim Pemisahan Lalulintas (Traffic Separation Scheme) dan langkah-langkah lain untuk menentukan keselamatan pelayaran di Selat Melaka. Dalam hubungan ini Kerajaan telah bekerjasama dengan negara-negara Indonesia dan Singapura.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa akibat daripada pencemaran itu banyak nelayan-nelayan terutamanya nelayan di Pantai Barat, Johor yang mendapat kerugian. Adakah Kementerian siasat atas kerugian mereka dan adakah apa-apa pertolongan diberi kepada nelayan yang terlibat itu?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang perkara ini. Perkara ini telah diambil perhatian oleh Jabatan Perikanan dan Kementerian Pertanian.

MAS—TIKET PERCUMA KEPADA MENTERI/TIMBALAN

7. Dr Tan Chee Khoo bertanya kepada Perdana Menteri adakah benar bahawa tiap-tiap orang Menteri dan Timbalan Menteri telah diberi dua tiket udara percuma setiap tahun oleh MAS supaya mereka boleh melawat luar negeri dengan penerbangan MAS. Jika benar, mengapa.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab serta tugas-tugas seseorang Menteri dan Timbalan Menteri makin sehari adalah semakin berat. Nasihat doktor-doktor ialah orang-orang seumpama ini perlu diberi cuti dan berihat sepenuhnya dari satu masa kesatu masa demi menjaga kesihatan mereka.

Menteri dan Timbalan Menteri mengikut peraturan adalah berhak diberi cuti selama satu bulan pada tiap-tiap tahun. Bolehlah dikatakan tidak banyak mereka itu menggunakan hak ini dan satu daripada sebab-sebab yang besar ialah ketiadaan kemampuan perbelanjaan tambang perjalanan seperti tambang kapalterbang.

Kita semua mengetahui bahawa seseorang Menteri atau Timbalan Menteri sesungguhnya tidak dapat peluang berihat sepenuhnya sekalipun mereka itu dalam cuti jika sekiranya mereka itu masih berada dalam negeri. Ini tentulah tidak memberi apa-apa faedah kepadanya. Oleh yang demikian, maka adalah baiknya jika mereka itu semasa bercuti digalakkan pergi keluar negeri dan oleh kerana mereka ini tidak ada kemampuan membuat demikian maka itulah sebabnya kemudahan penerbangan percuma MAS diberikan.

Peraturan-peraturan tertentu telah dibuat untuk mendapatkan kemudahan penerbangan percuma MAS ini, dan permohonan bercuti serta menggunakan kemudahan-kemudahan itu hendaklah mendapat persetujuan saya sendiri terlebih dahulu.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar di tanahair kita, di Semenanjung Malaysia juga ada beberapa rumah rehat Kerajaan yang sesuai dan elok untuk kerehatan semua Menteri mahupun Timbalan Menteri juga, kenapa mereka tersebut tidak berehat di tanahair kita tetapi digalakkan keluar dari negeri kita dengan tambang penerbangan yang dibayar oleh rakyat jelata?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada tempat-tempat yang Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri ini boleh pergi, tetapi sebagaimana yang telah saya terangkan iaitu tempat-tempat ini yang selalu dan kadang-kalanya tidak dengan sebenarnya dapat memberi kerehatan daripada

gangguan masa dia bercuti itu daripada tanggungan-tanggungan dan pekerjaan, dan itulah sebabnya yang saya terangkan maka kemudahan yang diberi samada pandangan Kerajaan ini dipersetujui oleh Ahli Yang Berhormat atau tidak, itu ialah pendapat masing-masing, tetapi bagi pihak Kerajaan ini adalah cara atau ikhtiar kita hendak memberi kemudahan yang secukupnya kepada Menteri dan Timbalan Menteri kita supaya bersungguh-sungguh berhat. Kalau dibenarkan, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memetik pandangan dan izinkan saya menerangkannya di dalam bahasa Inggeris, iaitu pandangan ini barangkali harus berlaku di dalam negara kita juga pada masa akan datang jika tanggungjawab Menteri dan Timbalan Menteri itu daripada satu masa ke satu masa ada bertambah berat. Pandangan ini ialah berbunyi demikian:

(Dengan izin) One of the main obstacles to good political leadership is the reluctance of the best men to assume the burdens of public office.

Ahli Yang Berhormat itu mengetahui iaitu bagaimana teruknya, samada Ahli Yang Berhormat itu bersetuju dengan pandangan kami semua itu adalah masalah lain, bagaimana teruknya seseorang Menteri itu bukan sahaja dia menjalankan tugas-tugasnya berkenaan dengan Kementeriannya dan sebagainya tetapi dia juga menjalankan tugas-tugasnya yang ada kaitan dengan kawasanya, partinya dan politik partinya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa beliau mengatakan makin lama makin bertambah berat tanggungjawab Menteri-menteri dan juga Timbalan Menteri. Oleh itu, mereka tidak ada waktu untuk berihat di tanahair kita dan oleh sebab mereka pun tiada kemampuan dari segi kewangan untuk keluar daripada negeri kita mereka itu telah dibantu oleh Kerajaan dengan penerbangan yang percuma melalui MAS. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar pegawai-pegawai tertinggi di tanahair kita mereka pun boleh di katakan makin lama makin bertambah berat tanggungjawabnya dan mereka juga tiada peluang untuk mengambil cutinya. Mereka juga boleh dikatakan tiada kemampuan daripada segi kewangan untuk keluar negeri untuk berihat. Oleh itu, bolehkah Kerajaan

menimbangkan dan memperluaskan dasar ini kepada pegawai-pegawai tertinggi di tanahair kita?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain, ini berkenaan dengan soal Menteri dan Timbalan Menteri, ini dimasukkan pegawai-pegawai nanti termasuk Ahli-ahli Dewan Rakyat, begitukah? *(Ketawa)*

Dr Tan Chee Khoon: Bukan, Tuan Yang di-Pertua, saya nyatakan dari segi pegawai-pegawai

Tuan Yang di-Pertua: Speaker pun tidak masuk *(Ketawa)*.

Dr Tan Chee Khoon: Ya, termasuk Speaker juga, kalau perlu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak menjawab, kalau tidak hendak menjawab tidak mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyangka tentulah dalil-dalil dan hujah-hujah seperti itu akan dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi kalau kita hendak membandingkan tanggungjawab pegawai tinggi dengan tanggungjawab seorang Menteri, kalau bolehlah kita membandingkan dan tepat kita memberi bandingan, rasa saya tidak ada bandingan di antara tanggungjawab Menteri dengan tanggungjawab pegawai tinggi. Dengan itu, rasa saya macam mana yang saya selalu ulangkan, itu pada pendapat seseorang samada hendak menerimanya atau tidak. Tetapi kami di dalam Kerajaan ini mengetahui sangat tanggungan-tanggungan kami dan berapa berat tanggungan yang kami pikul. Saya rasa kalau hendak dibandingkan boleh juga kalau pegawai tinggi mesti ditimbangkan, kenapa budak pejabat tidak ditimbangkan, dia teruk juga naik basikal, naik bukit, turun bukit. Itu semuanya boleh dipanjangkan hujah-hujah semacam itu.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidakkah kemudahan seperti ini diberi juga kepada semua Ahli Parlimen, termasuklah Ahli-ahli Parti Pembangkang? *(Ketawa)*.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini boleh melarat *(Ketawa)*.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah benar bahawa bukan sahaja tiap-tiap orang Menteri dan Timbalan Menteri telah diberi dua tiket udara percuma, tetapi sebenarnya lebih daripada itu. Di sini saya ada satu Circular daripada MAS mengenai perkara ini. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memetik satu perenggan:

(Dengan izin) "Twice yearly Federal Ministers, Deputy Ministers, their wives and dependent children when on their annual leave will be accorded first class tickets on MAS routes as per directive from our Prime Minister, and in the event of first class seats are not available, the passengers booked on first class must be reviewed and down-grading will have to be effected on bookings held for MAS Board members, all categories of staff, rebated travellers and first class riders".

Soalan saya ialah adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa peraturan baru ini yang akan melibatkan perbelanjaan wang tambahan bagi Kerajaan adalah bertentangan dengan pendirian Kerajaan apabila menemui pihak Cuepacs yang mengatakan betapa mustahaknya untuk menjimatkan wang dan mengurangkan belanja. Oleh itu, adalah menjadi sangat mustahak supaya Menteri-menteri dan juga Timbalan-timbalan Menteri memberi satu contoh dalam hal menjimatkan wang dan perbelanjaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedar berkenaan dengan keadaan itu. Tetapi kalau saya dapat menarik perhatian Ahli Yang Berhormat gaji-gaji Menteri barangkali beberapa tahun pun tidak ada naik, ini ialah disebabkan kesedaran kita bagi hendak menjimatkan dan memberi pertimbangan kepada golongan-golongan yang berkehendakkan tambahan itu. Selain daripada itu, masa kemelesetan kami semua dengan sukarela telah menawarkan potongan 5% daripada gaji kami sebagai satu contoh iaitu kami sedar sangat tanggungjawab kami kepada negara. Dan ini kami berharap bagi Dewan ini memikirkan kepada tanggungan kami dan juga kesihatan kami semua supaya dengan kemudahan yang diberi ini Menteri-menteri serta Timbalan-timbalan Menteri dapat bekerja dengan lebih giat dan kuat lagi daripada yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu ialah yang akhir sekali.

AKTA PENYELARASAN PER-INDUSTRIAN

8. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar meskipun terdapat jaminan-jaminan dari Kerajaan, ketakutan dan kebimbangan masih wujud di kalangan sektor swasta terhadap peruntukan-peruntukan di dalam Akta Penyelarasan Perindustrian dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya sangat sedar masih ada keraguan dan kebimbangan di kalangan sektor swasta tentang tujuan dan cara-cara Akta ini dikuatkuasakan. Untuk membuktikan jaminan Kerajaan bahawa Akta ini akan dikuatkuasakan secara adil dan pragmatic beberapa pindaan terhadap Akta tersebut akan dibuat tidak berapa lama lagi. Buat masa ini satu Jawatankuasa Peringkat Menteri sedang meneliti Akta ini dengan sedalam-dalamnya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar A.C.C.I. (Associated Chinese Chamber of Commerce and Industry) telah membuat kenyataan menyeru Kerajaan membatalkan Akta ini oleh sebab mereka langsung tidak mempercayai apa-apa yang dijamin oleh Kerajaan atau pegawai-pegawai Kerajaan. Kalau Kerajaan tidak berbuat demikian akibatnya terhadap pelaburan di sektor swasta boleh dikatakan merbahaya.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan kenyataan yang pernah dibuat oleh A.C.C.I. dalam perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat sendiri bahawa A.C.C.I. melalui Jawatankuasa Perundingan yang telah ditubuhkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengwujudkan persefahaman di antara pihak Kerajaan dengan pihak swasta yang terlibat di dalam perdagangan dan perindustrian ini telahpun bersetuju bahawa Akta ini dilaksanakan terlebih dahulu. Dan segala masalah-masalah yang telah dipersetujukan oleh ahli-ahli di dalam Majlis Perundingan itu yang mana A.C.C.I. ada wakilnya telahpun ada di dalam makluman Jawatankuasa Perundingan ini, dan khusus

mengenai Akta Penyelarasan Perindustrian ini telah diminta oleh pihak swasta yang duduk di dalam Jawatankuasa Perundingan itu supaya ditubuhkan beberapa buah Jawatankuasa Kecil yang dapat mengkaji masalah-masalah yang ada hubungannya dengan pelaburan dan perdagangan dan salah satu daripada Jawatankuasa yang telah ditubuhkan itu ialah Jawatankuasa Kecil berkenaan dengan Akta Penyelarasan Perindustrian ini. Jadi walaupun ada suara-suara daripada pihak-pihak tertentu meminta agar Akta itu dihapuskan, itu adalah pandangan mereka. Tetapi dari segi Kerajaan saya menyatakan bahawa Akta ini adalah perlu dari segi kita hendak menentukan pembangunan perindustrian pada masa yang akan datang. Saya suka maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Akta ini sebagaimana yang telahpun dilaksanakan mulai daripada 1hb Mei tahun ini akan terus berjalan dan untuk memperbaikinya kita akan mengambil usaha tertentu dari segi hendak menghapuskan segala kebimbangan dan keraguan itu sebagaimana saya katakan tadi kita akan meminda Akta ini di mana perlu untuk menampung sebarang keraguan dan kebimbangan yang ada.

BANK PERTANIAN MALAYSIA

9. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pertanian menyatakan keadaan Kewangan Bank Pertanian Malaysia dan nyatakan samada beliau sedar petani-petani yang bukan bumiputra mempunyai pengetahuan yang begitu kurang tentang bank tersebut, jika ya, nyatakan samada beliau akan mengarah pihak Pentadbiran bank tersebut untuk menggalakkan lebih ramai lagi orang-orang bukan bumiputra mengunjungi bank tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kewangan Bank Pertanian Malaysia adalah kukuh. Modal yang dibayar sebanyak \$10 juta dalam tahun 1974 telah meningkat kepada \$40 juta di akhir tahun 1970. Harta Bank juga telah meningkat dari \$91 juta dalam tahun 1974 kepada \$206 juta pada akhir 1975. Bank Pertanian Malaysia ini adalah Bank Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian yang bertujuan secara amnya untuk menolong kemajuan dalam bidang pertanian dalam ertikata yang luas dan bukanlah untuk

satu kaum sahaja tetapi sebaliknya terbuka kepada semua kaum di negara kita ini. Bank ini sentiasa bersedia memberi penerangan kepada semua pihak yang berkaitan dengan pertanian tentang kemudahan dan sebagainya yang boleh didapati daripadanya. Oleh itu, soal arahan baru daripada Menteri Pertanian yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah timbul lagi.

ALAT-ALAT TENTERA UDARA DIRAJA

10. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah pihak Kementerian sedar segala alat-alat Tentera Udara Diraja kita sekarang ini belum dipermodenkan lagi. Jika ya, tidakkah Kementerian bercadang melengkapkan sistem pertahanan udara yang baik iaitu dengan mengadakan "Anti Air Craft" yang lebih moden untuk menangkis serangan kapal terbang yang moden; dan
- (b) adakah rancangan Kementerian hendak menempatkan satu yunit khas pasukan meriam di Utara Malaysia.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya kurang faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat apabila ia menyatakan bahawa alat-alat Tentera Udara kita adalah belum dipermodenkan. Negara kita adalah sebuah negara yang kecil dan yang mengutamakan pembangunan ekonomi dan sosial dan bukan sebuah negara berkuasa military atau "military power". Dengan ini kita telah memodenkan peralatan tentera kita seimbang dengan hakikat ini.
- (b) Dewasa ini memang sudah ada pasukan meriam yang cukup di Utara Malaysia.

JAWATANKUASA PENILAIAN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

11. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) nama mereka yang menganggotai Jawatankuasa Penilaian Tentera Laut Diraja Malaysia yang memutuskan kontrak untuk pembelian empat buah kapal

"Fast Strike Craft", bilangan mesyuarat-mesyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasa tersebut berkaitan dengan tawaran ini, tarikh mesyuarat-mesyuarat tersebut diadakan dan keputusan yang dicapai di dalam mesyuarat yang akhir Jawatankuasa tersebut; dan

- (b) sebab mengapa satu Pasukan Petugas dibentuk untuk mengenepikan (by-pass) Jawatankuasa Penilaian dengan memberi nama anggota Pasukan Petugas ini, tarikh Pasukan Petugas ini dibentuk dan bilangan mesyuarat serta tarikh mesyuarat-mesyuarat itu diadakan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Anggota-anggota Jawatankuasa Penilaian Tentera Laut Diraja Malaysia yang ditubuhkan berkaitan dengan pembelian kapal ronda "Fast Strike Craft" adalah terdiri dari pegawai-pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia berikut:

(i) Timbalan Ketua Turus Tentera Laut	Komodor (Laut) Mohd. Zain bin Mohd. Salleh
(ii) Pengarah Perancang dan Operasi	Kolonel (Laut) Cheah Leong Voon
(iii) Pengarah Perkhidmatan Teknikal	Kolonel (Laut) Jallaludin bin Idris
(iv) Pengarah Lojistik dan Kewangan	Kolonel (Laut) Phang Kok Keng
(v) Pegawai Turus I Projek Lumut	Lt. Kol. (Laut) Phoon Chek Hoong
(vi) Pegawai Turus II Dasar Persenjataan	Mej. (Laut) Mohd. Hussein bin Thamby
(vii) Pegawai Turus II Latihan	Mej. (Laut) Goh Keng Yong

Lebih kurang 20 perjumpaan telah diadakan di antara 6hb Februari, 1976 dan 23hb Mac, 1976 sebelum Jawatankuasa Penilaian membuat keputusannya seperti yang terkandung dalam Lapuran Teknikal. Sebelum Lapuran Teknikal itu disiapkan, Jawatankuasa Penilaian telah memerlukan maklumat teknikal tambahan untuk membolehkannya membuat kajian yang sedalam-dalamnya dan menyiapkan satu Lapuran Teknikal yang lengkap. Maklumat-maklumat tambahan itu telah pun diperolehi dan disampaikan untuk pertimbangannya. Seterusnya Jawatankuasa Penilaian itu telah menyiapkan Lapuran Teknikalnya. Lapuran Teknikal itu bersama-sama dengan ulasan Ketua Turus Tentera Laut sendiri telah diserahkan kepada Lembaga Tender.

Dalam Lapuran Teknikal itu ada juga disebut bahawa maklumat tambahan lain berkaitan dengan ke empat-empat jenis kapal yang didapati sesuai oleh Jawatankuasa Penilaian diperlukan bagi pertimbangan Lembaga Tender. Maklumat-maklumat ini juga telah diperolehi bagi pertimbangan Lembaga Tender.

Oleh kerana Lapuran Jawatankuasa Penilaian itu mengandungi banyak maklumat-maklumat rahsia, maka dukacita saya tidak dapat mengumumkan isi kandungannya di Dewan ini melainkan menerangkan bahawa Jawatankuasa Penilaian itu berpendapat bahawa 4 tender boleh diterima dan SPICA-M adalah termasuk ke dalam kategori ini.

- (b) Tidak ada apa-apa Pasukan Petugas yang telah dibentuk untuk mengenepikan Jawatankuasa Penilaian ini. Kedudukan sebenar Jawatankuasa yang disangkakan sebagai "Pasukan Petugas" oleh Ahli Yang Berhormat itu telah dibentangkan semasa menjawab soalan nombor 2 pada mesyuarat semalam dan saya tidak bercadang mengulangkannya sekali lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa pilihan kapal-kapal SPICA-M melalui Jawatankuasa Penilaian Tender Tentera Laut Di-Raja dan Lembaga Tender dan selepas itu melalui sebuah Jawatankuasa Kerja telah menimbulkan perasaan sangat tidak puas hati, khususnya di kalangan T.L.D.M. oleh kerana sehingga ini mereka di dalam T.L.D.M. sangat bangga kerana tidak berlaku apa-apa skandal semacam yang berlaku dalam Air Force mengenai pembelian kapal terbang Pejuang F5E dari Northrop dan juga skandal yang berlaku di Tentera Darat mengenai pembelian Personnel Armoured Carrier (P.A.C.) tetapi sekarang pula skandal ini berlaku di T.L.D.M. Dan oleh kerana kapal itu tidak sesuai untuk kegunaan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa jawapan yang diberikan semalam dan hari ini tidak memuaskan hati dan juga tidak memberi satu alasan yang kuat kenapa pilihan SPICA-M itu dibuat dan ini akan memperkuatkan keraguan dan syakwasangka orang ramai bahawa di belakang pilihan ini telah berlaku kelakuan perkara-perkara yang tidak bersih, patut dan senonoh.

Dengan sebab itu adakah Kementerian Pertahanan menimbang untuk mengadakan satu siasatan supaya membuat satu laporan authoritative atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sudah panjang lebar, semalam kita mengambil masa 10 minit.

Tuan Lim Kit Siang: Ini melibatkan wang rakyat berjuta-juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu, semalam sudah beri panjang masa, duduk dahulu. Ini Ahli Yang Berhormat mengulang balik perkara semalam.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil berat atas kata Ahli Yang Berhormat tentang adanya perasaan tidak puas hati kerana urusan kerja adalah dibuat melalui suatu badan penilaian yang diwakili oleh setiap cawangan atau mempunyai kaitan dengan pembelian ataupun yang berkecualan untuk mengkaji atas kesesuaian sebarang pembelian kapal ini seperti Jabatan-jabatan yang telah saya sebutkan tadi. Kalau Ahli Yang Berhormat ada bukti mengatakan ada perasaan tidak puas hati, saya berharap Ahli Yang Berhormat akan dapat berhubung dengan saya untuk membantu Kementerian menyelidiki atas kebenaran tuduhan Ahli Yang Berhormat atas adanya perasaan tidak puas hati itu tadi. Sekian sahaja jawapan saya oleh sebab perkara itu seperti kata Tuan Yang di-Pertua adalah perkara yang diulang daripada semalam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat (*Kepada Tuan Lim Kit Siang*) boleh berhubung jikalau ada apa-apa bahan atau evidence yang tidak puas hati. Cukuplah, cukup!

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada soalan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata cukup Ahli Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: \$166 juta yang terlibat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata cukup, minta duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Itu mana ada erti?

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata kalau ada apa-apa dalil berhubung dengan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Saya telah berhubung dengan dia, dia tidak jawab, dia tidak berjumpa dengan saya. Saya berhubung dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri . . .

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup!

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI COLOMBO

12. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan berpuashati dengan hasil Persidangan Negara-negara Berkecuali Kelima di Colombo di mana Laos telah menentang cadangan negara-negara ASEAN mengenai Deklarasi Kuala Lumpur tentang konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara yang telah dipesongkan dengan menganggap bahawa negara-negara ASEAN tidak merdeka sepenuhnya sungguhpun Deklarasi ini telah diterima di mesyuarat Ketua-ketua Negara di Algiers pada bulan September, 1973. Sekiranya benar, apakah langkah Kerajaan untuk menerangkan kepada negeri-negeri di Indo-China akan tujuan baik konsep tersebut.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, pertemuan di antara Ketua-ketua Negara dan Kerajaan negara-negara berkecuali di Colombo dalam bulan Ogos tahun ini adalah pada pendapat saya satu kejayaan oleh kerana negara-negara berkecuali tersebut telah dapat menguatkan lagi perpaduan serta kerjasama di dalam bidang-bidang politik, ekonomi dan sosial. Persidangan tersebut telah dapat mengukuhkan lagi pengakuan negara-negara berkecuali kepada prinsip-prinsip berkecuali. Persidangan tersebut juga telah menunjukkan betapa pentingnya peranan negara-negara berkecuali dalam usaha mencapai perdamaian serta keselamatan antarabangsa. Yang terpenting sekali bagi Malaysia ialah persetujuan yang telah tercapai atas masalaah bahan-bahan mentah dan persatuan-persatuan pengeluaran. Deklarasi Ekonomi persidangan tersebut telah menekankan pentingnya diusahakan rancangan yang disatukan atas bahan-bahan mentah, termasuk Tabung Bersama serta

pembentukan persatuan-persatuan pengeluaran/pengekspot. Di dalam rancangan tindakan tersebut Malaysia berpuashati melihat bahawa persidangan kemuncak tersebut telah bersetuju sebulat suara agar tindakan-tindakan berikut diambil di dalam bidang bahan-bahan mentah:

- (a) menggalakkan perkembangan persatuan-persatuan pengeluaran bagi bahan-bahan utama yang dapat diekspotkan oleh negara-negara membangun;
- (b) pematuhan sepenuhnya oleh negara-negara pengeluaran juga membangun yang tidak mengambil bahagian dalam rancangan ini, kepada persatuan-persatuan pengeluaran yang telah wujud dan kepada lain-lain persatuan;
- (c) menguatkan dan menyokong persatuan-persatuan pengeluaran yang terwujud;
- (d) menyiap dan meluluskan undang-undang menubuhkan sebuah Majlis Persatuan Pengeluaran;
- (e) penubuhan Tabung Khas untuk membiayai stok-stok penimbal bahan-bahan mentah;
- (f) penglibatan sepenuhnya kepada rancangan yang disatukan untuk bahan-bahan mentah.

Mengenai penglibatan penuh, Ketua-ketua Negara dan Kerajaan di persidangan tersebut bersetuju untuk berusaha bersama diantara satu sama lain dan menyelaraskan pendirian mereka di dalam berbagai perundingan yang akan diadakan oleh U.N.C.T.A.D. Mereka juga bersetuju memberi kenyataan kepada rancangan yang disatukan itu dan mengundang semua negara-negara ahli agar memberi jaminan khas sumbangan mereka kepada Tabung Bersama itu sebelum permulaan perundingan-perundingan U.N.C.T.A.D.

Saya juga berbangga bahawa Malaysia telah dilantik sebagai salah sebuah negara yang akan menyelaraskan tindakan negara-negara berkecuali di dalam bidang bahan-bahan mentah ini.

Dari segi politik perkara yang penting bagi Malaysia di dalam Deraf Deklarasi Politik yang telah diedarkan oleh Sri Lanka ialah perenggan yang bertajuk "Cadangan ASEAN untuk menubuhkan sebuah Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali di Asia Tenggara". Sri Lanka sebagai negara tuan rumah telah pada mulanya memasukkan bahagian ini secara bersendirian di dalam

Deraf Deklarasi tersebut. Sampainya kami di Colombo kami telah meminda teks tersebut supaya tajuknya dipinda kepada "Cadangan untuk menubuhkan sebuah Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali di Asia Tenggara". Ini ialah untuk menjelaskan kenyataan bahawa Deklarasi Kuala Lumpur bukanlah cadangan ASEAN. Teks tersebut menegaskan sekali lagi keputusan yang telah diambil di Persidangan Kemuncak yang keempat di Algiers pada tahun 1973 dan mengalu-alukan kemajuan seterusnya yang telah tercapai ke arah matlamat tersebut. Memanglah satu amalan biasa di kalangan negara-negara berkecuali dan di semua persidangan antarabangsa untuk mengkaji semula kemajuan yang telah dicapai atas keputusan-keputusan yang telah diambil di persidangan-persidangan yang terdahulunya.

Sementara itu Laos telah mengemukakan cadangan mengenai keadaan di Asia Tenggara. Cadangan ini merupakan penganalisaan yang menggambarkan keadaan di Asia Tenggara sebagaimana yang dilihat oleh Laos. Beberapa perbincangan tidak rasmi telah diadakan dengan wakil-wakil delegasi Laos dan Vietnam untuk mengadakan satu teks bergabung mengenai Asia Tenggara yang mengandungi hakikat dan isi kedua-dua cadangan Malaysia dan Laos. Di dalam perbincangan-perbincangan tersebut terdapat jelas bahawa Laos dan Vietnam enggan menerima pada masa ini cadangan Malaysia itu.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bertanya kepada saya kenapa Laos dan Republik Sosialis Vietnam tidak dapat menerima cadangan kita itu. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum tentang hal-hal yang melingkungi perbincangan mengenai masalah ini di Colombo dan dengan demikian ianya tidaklah harus diulangi lagi.

Apabila perkara ini dibincangkan di dalam Jawatankuasa Politik yang ditubuhkan untuk menyediakan deraf Deklarasi Politik, ianya tidak dapat melahirkan satu keputusan. Jawatankuasa ini kemudiannya memutuskan supaya kedua-dua teks dikemukakan kepada Menteri-menteri Luar untuk pertimbangan mereka.

Di dalam Persidangan Menteri-menteri Luar tidak ada perbincangan atas kedua-dua teks. Tetapi saya telah membuat jawapan balas hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ketua Delegasi Republik Sosialis Vietnam.

Sambil saya memberi jawapan itu, dan berikutan dengan pertanyaan "point of order" yang ditimbulkan oleh Ketua Delegasi Republik Sosialis Vietnam, Pengerusi memutuskan bahawa dia tidak mahu membuka perbincangan atas perkara ini oleh sebab masa tidak mengizinkan. Masa ketika itu sudah hampir tengah malam dan ramai daripada Ketua-ketua Negara dan Kerajaan telah menunggu di luar dewan untuk upacara penutup. Tuan Pengerusi selanjutnya memutuskan secara bersendirian supaya perkara itu dirujuk kepada Biro Penyelarasan di New York.

Apa yang kita harapkan ialah bahawa kita dapat memajukan lagi cadangan tersebut di Colombo. Tetapi atas ketiadaan masa kita tidak dapat berbuat demikian. Saya ingin menegaskan juga bahawa negara-negara berkecuali telahpun bersetuju untuk menyokong Deklarasi Kuala Lumpur mengikut keputusan yang telah mereka ambil di Persidangan Kemuncak Algiers pada tahun 1973. Cadangan Kawasan Aman telah juga mendapat sokongan di forum-forum antarabangsa yang lain. Sokongan ini telah ditegaskan lagi kepada saya oleh ramai Menteri-menteri Luar yang saya temui di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York baru-baru ini.

Peristiwa di Colombo sebenarnya sangatlah berharga kepada kita iaitu ianya telah menunjukkan kepada kita dan juga mendedahkan kepada seluruh dunia bahawa masih ada jurang di antara negara-negara yang menandatangani Deklarasi Kuala Lumpur dan negara-negara Laos dan Vietnam. Ini akan hanya dapat diatasi dengan menambahkan hubungan-hubungan dan mengadakan kerjasama yang lebih rapat.

Saya bersukacita untuk memaklumkan kepada Parlimen bahawa dengan tertubuhnya Kedutaan-kedutaan Besar Malaysia di Vietnam dan di ibu negara masing-masing sebuah jalan telah terbuka untuk perhubungan terus dan lebih rapat di antara kedua buah negara. Bulan Julai lalu kita telah bersukacita menyambut kedatangan Timbalan Menteri Luar Vietnam. Tidak berapa lama lagi Duta Besar kita ke Republik Sosialis Vietnam akan berlepas ke Hanoi. Dengan perhubungan-perhubungan di peringkat diplomatik kita akan dapat memajukan lagi hubungan di antara kedua buah negara di semua bidang. Mudah-mudahan ini akan meluaskan lagi bidang-bidang kerjasama di

antara kedua buah negara dan ini akan membawa kepada persefahaman yang lebih baik mengenai pandangan, harapan dan cita-cita kita. Hanya melalui keamanan dan keazaman sahaja rakyat-rakyat di Asia Tenggara boleh mengambil bahagian di dalam keazaman bersama untuk menjadikan Asia Tenggara sebuah kawasan aman, bebas dan berkecuali.

LEMBAGA PERUMAHAN KEBANGSAAN

13. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Lembaga Perumahan Kebangsaan dengan

- (i) mendirikan rumah-rumah murah dalam kemampuan kelas-kelas pekerja;
- (ii) melindungi pembeli-pembeli rumah daripada ditipu oleh pemaju-pemaju perumahan yang tidak berlesen; dan
- (iii) membuat peraturan penggunaan bahan-bahan bermutu bagi mendirikan rumah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Mohd. Zahari bin Awang): Tuan Yang di-Pertua, buat saat dan masa ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk menubuhkan sebuah Lembaga yang tersebut.

RISDA—KONSEP PEMBANGUNAN MASYARAKAT

14. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa Perkhidmatan Masyarakat RISDA (P.M.R.) sedang melatih pekebun-pekebun kecil sebagai kadre-kadre dengan memberi mereka latihan rejimen dengan tujuan mengumpulkan sebanyak 60,000 kadre-kadre terlatih menjelang pilihanraya umum akan datang pada tahun 1979; dan sebab-sebab kumpulan-kumpulan para-tentera seperti itu dibenarkan ujud.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, tuduhan seperti ini adalah tidak benar kerana perkara melatih 60,000 kadre untuk Pilihanraya Umum tahun 1979 tidak pernah timbul sama sekali.

Apa yang berlaku ialah RISDA melancarkan konsep pembangunan masyarakat (community development) untuk mendorong pekebun-pekebun kecil keseluruhannya berusaha, berdedikasi dan melibatkan diri mereka dalam proses pembangunan. Pendekatan ini merupakan satu corak di mana semua lapisan masyarakat seharusnya melibatkan diri (total involvement) dalam proses pembangunan bukan sahaja di peringkat penerimaan bahkan juga di peringkat perancangan dan pelaksanaan. Ini boleh melicinkan lagi proses penyampaian teknologi-teknologi baru dari segi perkembangan pertanian (agricultural extension) amnya.

Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk mencapai objektif Kerajaan meninggikan taraf sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil getah khasnya. Dengan itu perlu ditegaskan sekali lagi bahawa matlamat P.M.R. tidak berbau politik mana-mana pihak dan bukan untuk kepentingan pilihanraya umum 1979.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa di antara dokumen-dokumen yang digunakan sebagai bahan bacaan dalam P.M.R. ialah risalah Malay Socialists Democratic Republic dan kira-kira 2,000 risalah ini telah dibakar di Persiaran Ritchey, Kuala Lumpur dalam bulan Jun tahun ini.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya suka menjelaskan di sini ialah bahawa apa juga latihan yang dibuat dan sedang dibuat oleh RISDA di beberapa peringkat. Peringkat yang atasan sekali ialah terdiri daripada mereka yang diharapkan menjadi ketua untuk menyelenggarakan apa juga rancangan latihan lanjut yang akan dijalankan kepada pegawai-pegawai rendah dan peringkat kedua ialah di peringkat pegawai-pegawai rendah.

Di atas soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, saya telah ditanya berkali-kali atas soalan ini dan saya sendiri telahpun membuat siasatan dan setakat ini masih belum lagi dapat apa juga bukti yang menyatakan bahawa ada digunakan satu makalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berhubung dengan wartawan-wartawan Suara Merdeka

yang menulis rencana ini oleh kerana ini adalah satu punca yang sangat mudah dihubungi.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada berhubung tetapi boleh jadi Ahli Yang Berhormat ada berhubung.

Tuan Yang di-Pertua: Waktu soal jawab tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

**PERSARAAN LAKSAMANA MUDA
DATUK K. THANABALASINGAM
DAN MARSYAL MUDA UDARA
DATUK SULAIMAN SUJAK**

15. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pertahanan apa sebab Ketua Turus Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Tentera Udara Di Raja Malaysia telah disuruh bersara walaupun umur mereka masih muda.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Keputusan bersara sebelum sampai masa Laksamana Muda Datuk K. Thanabalasingam dan Marsyal Muda Udara Datuk Sulaiman bin Sujak dibuat oleh kerana keadaan sejarah perkembangan Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Tentera Udara Di Raja Malaysia. Kedua-dua Ketua Turus itu telah dilantik untuk memegang jawatan Ketua Turus Tentera Laut dan Ketua Turus Tentera Udara bagi menggantikan pegawai "ekspatriat" di bawah rancangan "Malaysianisation" ketika masing-masing berumur 31 tahun dan 33 tahun. Pada akhir bulan November, tahun ini, mereka akan genap 9 tahun sebagai Ketua Turus di dalam perkhidmatan masing-masing. Perlanjutan perkhidmatan mereka sehingga had umur persaraan pilihan (optional) iaitu 50 tahun atau had umur persaraan wajib iaitu 55 tahun akan melanjutkan perkhidmatan mereka kepada pertengahan tahun-tahun 1980'an atau awal tahun-tahun 1990'an. Demi untuk memberi peluang kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawai lain di dalam kedua-dua perkhidmatan itu, kedua-dua Ketua Turus tersebut telah dipersetujui untuk persaraan sebelum sampai masa atau secara "premature".

PASUKAN KERAHAN TENAGA (TENTERA WATANIAH)

16. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah pihak Kementerian sedar adanya segolongan Pegawai-pegawai Kerajaan yang mengambil bahagian dalam Pasukan Kerahan Tenaga (Tentera Wataniah) yang mana mereka telah berkhidmat lebih dari 10 tahun. Jika sedar tidakkah Kementerian yang berkenaan bercadang akan mengadakan kemudahan berpencen kepada mereka seperti yang dibuat kepada Wakil-wakil Rakyat.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Kementerian saya memang sedar tentang adanya beberapa orang pegawai-pegawai Kerajaan yang telahpun dikerah untuk berkhidmat sepenuh masa bagi tempoh lebih daripada 10 tahun.

Mengikut Pekeliling Perkhidmatan No. 3 Tahun 1954, Pegawai-pegawai Kerajaan yang dikerah itu adalah dianggap sebagai masih dalam perkhidmatan asal mereka dan mereka akan kembali kepada perkhidmatan asal mereka apabila tamat tempoh kerahan. Tempoh khidmat mereka semasa kerahan sepenuh masa itu adalah dianggap sebagai khidmat dalam perkhidmatan asal mereka bagi tujuan menentukan kekananan, kenaikan gaji dan faedah persaraan. Oleh hal yang demikian, persoalan membayar pencen kepada mereka khas bagi perkhidmatan kerahan mereka itu tidaklah timbul. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mereka adalah dibayar saguhati sebanyak satu bulan gaji bagi tiap-tiap satu tahun perkhidmatan kerahan mereka.

B.S.N.—MEMBERI DAN MENERIMA RASUAH

17. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Undang-undang menyatakan samada Kerajaan akan mengarahkan Biro Siasatan Negara (B.S.N.) bahawa orang-orang yang telah ditangkap dan didakwa di Mahkamah kerana menerima rasuah sama salahnya dengan orang yang memberi dan dari segi undang-undang hendaklah juga ditangkap dan didakwa. Jika tidak, mengapa.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Mengikut peruntukan Akta Pencegah Rasuah kedua-dua pihak iaitu yang memberi dan yang

menerima rasuah boleh didakwa di Mahkamah atas kesalahan tersebut. Oleh yang demikian Menteri Undang-undang tidak perlu mengarahkan Biro Siasatan Negara sebagaimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Sesungguhnya dalam tahun ini sahaja seramai 18 orang yang menerima rasuah telahpun didakwa di Mahkamah dan seramai 35 orang yang memberi rasuah telahpun didakwa juga. Maka tidaklah benar bahawa Biro Siasatan Negara hanya mengambil tindakan terhadap mereka yang menerima rasuah sahaja dan tidak mengambil tindakan terhadap mereka yang memberi rasuah. Samada seseorang penerima rasuah atau pemberi rasuah akan didakwa di Mahkamah atau tidak adalah berasaskan bukti-bukti yang diperolehi mengenai sesuatu kes itu. Penelitian halus perlu dibuat sebelum seseorang itu didakwa di Mahkamah.

PENJUALAN KAPALTERBANG PEJUANG NORTHROP F5

18. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kerajaan telah menerima laporan daripada Jawatankuasa Kongres Amerika berkenaan dengan penjualan kapal-kapal terbang pejuang Northrop F5 yang sekarang ini berkhidmat dengan T.U.D.M.; kiranya ada;

- (i) adakah Kerajaan akan mengedarkan satu salinan laporan itu kepada akhbar dan Ahli-ahli Parlimen;
- (ii) bilakah Kerajaan jangka akan menyelesaikan penyiasatan ke atas tuduhan rasuah mengenai skandal Northrop antarabangsa;
- (iii) apakah tindakan yang akan diambil terhadap pegawai-pegawai T.U.D.M. yang terlibat.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Kerajaan tiada menerima apa-apa laporan daripada Jawatankuasa Kongres Amerika berkenaan dengan penjualan kapal-kapal terbang pejuang Northrop F5.

- (i) Oleh sebab yang dinyatakan di atas, perkara mengedarkan laporan tersebut kepada akhbar-akhbar dan Ahli-ahli Parlimen tidaklah berbangkit.
- (ii) Siasatan berkenaan tuduhan rasuah berkaitan dengan pembelian pesawat F5 adalah dijalankan oleh pihak Biro

Siasatan Negara. Oleh sebab Biro Siasatan Negara adalah suatu badan yang bebas, Kementerian saya tidak mengetahui setakat mana siasatan itu telah diselenggarakan olehnya.

- (iii) Oleh sebab siasatan ini dijalankan oleh suatu badan yang bebas, Kementerian saya tidaklah dapat menjawab soalan Ahli Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (SARAWAK) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pencen Sarawak Bab 89: dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (SABAH) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pencen 1963, Sabah; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PEM- BANTU-PEMBANTU HOSPITAL (PENDAFTARAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama Akta Pembantu-pembantu Hospital (Pendaftaran), 1976 bagi bacaan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Lembaga Pembantu Hospital (Pendaftaran) mendaftarkan pembantu-pembantu hospital dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Langkah ini dapat menjelaskan

kedudukan, taraf dan bidang tugas pembantu-pembantu hospital sebagaimana juga kedudukan, taraf dan bidang tugas jururawat-jururawat dijelaskan di bawah Akta Juru-rawat (Pendaftaran) 1950.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Lembaga terdiri daripada seorang yang di-pertua, seorang setiausaha dan beberapa ahli lain sebagaimana diputuskan oleh Menteri Kesihatan. Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan akan menjadi sebagai yang di-Pertua Lembaga dan Ketua Pembantu Hospital sebagai Setiausaha.

Fasal 6 adalah berkenaan dengan penyenggaraan suatu daftar pembantu-pembantu hospital yang akan dibuat dalam bentuk yang ditetapkan. Fasal 7 menghadkan pengambilan bekerja orang-orang sebagai pembantu hospital dalam institusi-institusi tertentu kepada orang-orang yang didaftarkan di bawah Akta sahaja. Bagaimanapun, Fasal 8 mengadakan peruntukan kecualian berkenaan dengan orang-orang yang telahpun diambil bekerja sebagai pembantu hospital pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta dengan memperuntukkan bahawa orang-orang itu hendaklah terus berada dalam pekerjaannya selama tempoh tiga tahun dan selepas daripada itu mereka akan terhenti daripada bekerja sebagai pembantu hospital melainkan jika sebelum daripada itu mereka didaftarkan di bawah Akta ini.

Fasal 9 adalah berkenaan dengan orang-orang yang berhak didaftarkan sebagai pembantu hospital dan Fasal 10 mengadakan peruntukan supaya nama-nama mereka dicatitkan dalam daftar dan supaya perakuan pendaftaran dikeluarkan. Fasal 12 menyatakan alasan-alasan yang atas mana nama-nama orang boleh dipotong dari daftar dan Fasal 17 membolehkan orang-orang yang terkilan merayu kepada Menteri.

Fasal 22 menetapkan beberapa perkara tertentu yang mengenainya peraturan-peraturan boleh dibuat oleh Menteri sebagai tambahan kepada kuasa amnya untuk membuat peraturan-peraturan. Fasal-fasal lain adalah mengenai hal memasukkan semula dalam daftar nama-nama yang telah dipotong darinya, penalti-penalti kerana melanggar Akta dan lain-lain peruntukan yang perlu atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama Akta Pembantu-pembantu Hospital (Pendaftaran) 1976, bagi bacaan kali yang kedua dan diluluskan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.40 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang atau Akta yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan di samping itu saya menyokong sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kesihatan boleh mengambil perhatian tentang apa yang saya akan sebutkan mengenai Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum dan selepas perang dunia yang kedua Pembantu-pembantu Hospital ada mengambil bahagian di dalam rawatan di tanahair kita dan mereka telah mengambil peranan yang penting tetapi malangnya tidak berapa lama selepas itu latihan Pembantu Hospital telah ditamatkan. Apakah sebabnya, saya tidak tahulah. Barangkali Kementerian Kesihatan pada masa itu menganggap Pembantu Hospital tidak berapa berguna dan mereka ingin melatih jururawat yang lebih penting dan berguna kepada Kementerian Kesihatan sendiri dan kepada rakyat jelata di tanahair kita. Selepas itu latihan Pembantu Hospital telah dimulakan balik dan di samping itu mereka sudah membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan beberapa tahun dahulu supaya beliau membawa Akta ini ke Parlimen dan mereka tentulah berpuas hati apabila Rang Undang-undang ini dibahaskan dan harap diluluskan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit sebanyak tentang Lembaga Pembantu Hospital. Di sini cuma ada dua orang pegawai yang disebut di dalam Akta ini iaitu Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Setiausaha Hospital itu sahaja, ini disebutkan sebagai jawatan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Akta ini menyatakan anggota-anggota lain di dalam Lembaga ini akan dilantik oleh

Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Saya hairan oleh sebab kebanyakan Lembaga yang Kerajaan berkehendak diluluskan di dalam Dewan ini semuanya ada disebutkan keanggotaannya tetapi ini saya nampak tidak ada. Saya berharap di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri, beliau akan memberi penjelasan mengapakah Rang Undang-undang ini tidak menyebutkan anggota-anggota lain di dalam Lembaga ini. Saya harap apabila Yang Berhormat Menteri Kesihatan melantik anggota Lembaga Pembantu Hospital ini, beliau akan melantik orang yang boleh menjalankan tugasnya bukan orang yang dipanggil sebagai "toothless representative of the Government".

Tuan Yang di-Pertua: Toothless?

Dr Tan Chee Khoon: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada gigi?

Dr Tan Chee Khoon: Ya, tidak ada gigi. Sebab mereka duduk di dalam Lembaga itu diam dan senyap sahaja—mulut batu, Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan wakil Kerajaan kepada beberapa Lembaga yang saya tahu semuanya duduk sahaja, terima \$50 satu mesyuarat. Ini tidak berfaedah kepada mereka dan juga kepada Kementerian Kesihatan serta kepada negara. Oleh itu, saya berharap sebelum Yang Berhormat Menteri Kesihatan memilih atau melantik anggota Lembaga ini, beliau akan mengkaji perkara ini dengan mendalam dan teliti supaya pegawai atau wakilnya yang ada gigi atau yang benar-benar boleh mewakili Kementerian Kesihatan.

Di dalam perkara ini juga, saya berharap apabila Menteri Kesihatan memilih wakilnya kepada Lembaga Pembantu Hospital ini, beliau boleh melantik seorang wakil daripada Association of private hospitals, oleh sebab dahulu Pembantu-pembantu Hospital ada dua tempat yang mereka boleh berkhidmat iaitu hospital Kerajaan dan hospital ladang-ladang getah. Tetapi sekarang, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita ada hospital private dan hospital private ini perlu juga menggunakan Pembantu-pembantu Hospital.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri Kesihatan boleh melatih lebih ramai lagi Pembantu-pembantu Hospital supaya mereka yang tidak mahu

berkhidmat di dalam hospital Kerajaan boleh berkhidmat di hospital private, janganlah mereka ingat hanya ada satu tempat sahaja mereka boleh bekerja malah mereka boleh bekerja juga di hospital private di tanahair kita yang makin lama makin bertambah besar dibina di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Fasal 22, Menteri Kesihatan boleh membuat peraturan-peraturan. Saya berharap apabila beliau mengadakan peraturan-peraturan ini beliau juga akan berhubung dengan pegawai-pegawai daripada Association of private hospitals oleh sebab ini ada kena-mengena juga dengan mereka yang ingin menggunakan Pembantu-pembantu Hospital.

3.50 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbincangan atas Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1976. Di samping mengalu-alukan Rang Undang-undang ini, saya ingin memberi sedikit pandangan mengenai Rang Undang-undang ini.

Adalah nyata bahawa tujuannya ialah untuk mendaftarkan secara sah bagi semua Pembantu Hospital di tanahair kita. Langkah mendaftar ini adalah satu langkah yang bijak dan harus diberi pujian. Dalam mendaftarkan Pembantu Hospital ini, hendaklah juga ditimbang mengenai serving hospital assistants bahawa oleh kerana mereka telah berkhidmat begitu lama dan mempunyai pengalaman yang luas, pengecualian hendaklah diberi kepada mereka mengenai syarat-syarat mendaftar sebagai Pembantu Hospital. Kita sedia maklum bahawa pengalaman tidak boleh didapati dengan mudah dan oleh kerana mengenangkan jasa-jasa khidmatnya begitu lama, satu ujian departmental boleh diberi untuk mengesahkan kelayakan mereka sebagai Pembantu Hospital yang berdaftar. Kelonggaran ini hanya diberi kepada serving Hospital Assistants sahaja.

Dengan adanya pendaftaran ini akan menentukan tugas-tugas mereka dengan lebih teratur. Mereka juga membantu doktor dalam menjalankan tugas-tugas seharian. Ini juga satu tugas yang berat dipikul oleh mereka. Dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini, maka perjalanan pendaftaran Hospital akan lebih teratur. Mungkin oleh kerana kekurangan Pembantu

Hospital maka tugas-tugas yang specific tidak diberi kepada mereka. Saya percaya dengan terlaksananya undang-undang ini, semua jadual tugas dapat diaturkan dengan lebih licin lagi.

Pada masa ini kita ada sebuah Sekolah Latihan Pembantu Hospital di Seremban dengan pengambilan 240 orang Pembantu Hospital setahun. Latihan ini memakan masa selama 3 tahun. Pengambilan yang pertama telahpun tamat latihan dan ianya akan menyusul pula tamat latihan yang kedua. Oleh kerana kita mempunyai sebuah Sekolah Latihan Pembantu Hospital sahaja di tanahair kita hari ini, maka saya berharap dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini beberapa buah sekolah latihan seumpama ini akan dapat didirikan. Khususnya saya tumpukan di Pantai Timur, terutama di Kota Bharu.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja pandangan saya dan mudah-mudahan mendapat pertimbangan yang sewajarnya dari pihak Menteri yang berkenaan. Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

3.54 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri dengan tujuan hendak menyokong cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, tetapi sebelum itu saya suka minta izin menegur iaitu sebagaimana menjadi kelaziman sekarang undang-undang ini dibentangkan untuk pertimbangan Ahli Dewan dalam tempoh yang sangat singkat.

Kami faham barangkali ada sesuatu sebab, akan tetapi kerana mewakili rakyat dengan tujuan supaya setiap undang-undang yang hendak dimaktubkan menjadi satu undang-undang yang dapat dipertimbangkan, bukan sahaja di dalam Dewan ini, akan tetapi dapat juga dipertimbangkan oleh semua lapisan rakyat jelata, boleh ditimbang oleh setiap mereka yang akan berkait ataupun ada kepentingan yang perlu mengeluarkan pendapat dan fikiran. Sepatutnya sesuatu undang-undang itu diisytihar dalam rangka ataupun rangnyanya dan disiarkan menerusi surat-khabar dan mass media supaya setiap umat negeri ini tahu apakah cadangan undang-undang yang akan dibuat oleh Kerajaan

supaya setiap yang ada terlibat, ada kepen-
tingan dapat memeriksa setiap perkara yang
akan dibangkitkan itu samada hendak menyokong atau hendak membangkangnya. Inilah cara-cara demokrasi, kalau kita hendak mengamalkan demokrasi betul-betul, tetapi saya fikir oleh sesuatu sebab, barangkali undang-undang kita ini selalu beginilah, sehari sebelum dibincang dibentangkan sehingga setengah-setengah Ahli Parlimen barangkali, kalau saya tidak salah, tidak bacapun lagi, tidak tahu apakah kandungannya, tetapi barangkali ini jangan menjadi habit atau menjadi kebiasaan tiap-tiap kali. Kalau jadi begitu, barangkali terjejaslah cara pemerintahan demokrasi kita ini.

Berbalik kepada perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pernah membangkitkan perkara ini iaitu dalam negeri kita ini belum cukup doktor, belum cukup mereka yang lengkap, yang cukup latihan yang boleh diregister sebagai doktor. Menjadi doktor memakan masa 6-7 tahun, oleh sebab itu perbelanjaan perubatan tersangat tinggi dalam negeri ini jikalau dibandingkan dengan lain-lain negeri. Apabila seseorang yang miskin, seseorang yang bergaji kecil ditimpa satu-satu sakit maka menjadi satu keimbangan yang sangat berat kerana banyak terpaksa dibelanja pembayaran kepada doktor seperti ubat dan sebagainya. Ini oleh kerana bilangan doktor itu kurang—tidak cukup, sebab itu pembayaran (fee) yang dituntut oleh doktor-doktor itu sangat tinggi.

Saya pernah mencadangkan supaya kita adakan satu peraturan di mana dapat kita menghasilkan Pembantu-pembantu Doktor, Pembantu-pembantu Perubatan (Medical Assistants) ataupun seburuk-buruknya Hospital Assistants. Ini barangkali timbul pengertian. Istilah Pembantu Hospital (Hospital Assistant) barangkali terbatas pada hospital, yang penting ialah hospital. Kalau Medical Assistant itu barangkali berasas kepada perubatan (medicine) ataupun seorang yang membantu doktor, ke mana-mana doktor pergi dia ikut membantu. Perkara ini barangkali bagi pihak Kementerian tentulah saya menganggap telah menimbang, meneliti dan mungkin ada dalam rancangan mereka satu jenis, satu kumpulan pekerja-pekerja perubatan lain kemudian hari kelak akan dipanggil Pembantu Doktor (Medical Assistant) dan sebagainya. Pada masa sekarang yang dikemukakan ialah

cadangan supaya diadakan Lembaga untuk mendaftarkan mereka yang akan dibenar memegang jawatan sebagai Pembantu Hospital (Hospital Assistant).

Saya pernah berkata bagaimana kita yang sudah berumur 50 tahun ke atas biasa ke kelinik-klinik sebelum masa perang dahulu yang merawat dan memberi ubat ialah Hospital Assistant yang digelar di kampung-kampung “Tuan Doktor” sebab pada masa itu (kalau pada masa ini kita sudah ada beribu-ribu doktor) pada setiap doktor itu entah berapa kelinik yang dijaganya, tetapi waktu sebelum perang dahulu kelinik-klinik ini dijaga semua oleh Hospital Assistants, dan ada pula grednya—Special Gred, Gred 1, Gred 2, Gred 3 dan mereka itu macam doktor juga—pakai stethoscope, kalau kita demam, dia rasa, dia pegang nadi, dia ambil temperature, dia beri ubat—macam-macam, dan kita yang tidak tahu ini anggap dia itu doktor juga. Dengan itu kepercayaan baik juga walaupun bukan doktor tetapi dengan layanan dan rawatan yang diberi oleh Hospital Assistants dahulu itu adalah baik, tidak payah jumpa doktor.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Pada masa itupun kalau tidak salah saya bayarannya 20 sen kalau di kelinik, bayarannya tidak susah, ubat besar. Akan tetapi sekarang lama-kelamaan nampaknya kita kerja dahulu. Hospital Assistants itu membuat bukan sahaja menolong doktor akan tetapi pentadbiran hospital pun dijalankan oleh Hospital Assistants juga. Akhirnya setengah-setengah daripada Hospital Assistants ini dihantar pula ke England atau ke mana-mana di luar negeri diberi latihan Hospital Assistant dan dijadikan Hospital Administration.

Dari pengalaman saya sendiri didapati di satu tempat misalnya, dahulu cuma satu Hospital Assistant yang dihantar latihan, balik menjadi Hospital Administrative, dialah mentadbirkan pentadbiran hospital itu, akan tetapi bila dia bersara sudah tiga empat orang menjalankan kerjanya, setiap-tiap orang semuanya kelulusan university. Ada yang di dalam bidang perkhidmatan tadbir dan diplomatik yang menjadi ketua, ada pula daripada Executive Officers dan sebagainya. Ini menunjukkan paling ke belakang satu jenerasi, satu kumpulan manusia

sebelum perang dahulu yang telah diambil berkhidmat menjadi Hospital Assistants yang telah berjasa yang telah membantu doktor yang telah berkhidmat kepada berjuta-juta manusia yang saya ingat sangat kena pada tempatnya pada hari ini bila kita menimbangkan ketetapan untuk mengadakan undang-undang mengregularise ataupun menyempurnakan susunan berkenaan dengan Hospital Assistant, kita mengenangkan kembali.

Di sini saya dukacita bahawa Yang Berhormat Menteri tidak mengambil kesempatan menghargai mereka yang telah bekerja dan berkhidmat dalam negeri ini sebagai Hospital Assistants sehingga hari ini. Sebab kita semua yang telah mendapat layanan, yang telah dirawat oleh mereka, rasa terhutang budi, terima kasih menghargai setiap Hospital Assistants yang telah dilatih, yang telah bekerja dalam negeri ini yang telahpun dihapus dan dihilangkan kedudukan dan jawatan mereka oleh kerana ada orang yang pandai-pandai hendak meniru keadaan di England dan di Eropah, sebab di England tidak ada Hospital Assistant. Yang ada hanya male nurses. Terus jawatan Hospital Assistants ini dihapuskan dan digantikan pula dengan jawatan Jururawat Lelaki (Male Nurses) dan semua Hospital Assistants ini mahupun pada masa itu ditentang dengan kerasnya oleh Hospital Assistants Union dan juga pertubuhan-pertubuhan mereka akan tetapi mereka semua dijadikan male nurses. Ini sejarah. Ini juga barangkali masanya untuk kita menandakan bahawa mereka yang telah menentang langkah Kerajaan pada waktu itu untuk menghapuskan jawatan Hospital Assistants itu. Pada hari ini sejarah menunjukkan yang mereka yang telah tertindas, mereka yang telah diketepikan, mereka yang telah menuntut yang benar, akhirnya benar juga balik kepada keadaan di mana Kerajaan menerima balik, patut dan perlu hidup semula jawatan Hospital Assistants ini.

Pada hari ini juga hari pengadilan pada sejarah menunjukkan mereka yang telah dengan keras kerana mereka berkuasa mengeneipkan pendapat dan fikiran yang telah dikemukakan oleh golongan Hospital Assistants pada masa itu ialah menghapuskan jawatan itu. Mereka itu ditunjuk oleh sejarah bahawa mereka salah. Inilah sejarah, inilah perkara yang patut kita catit pada hari ini waktu kita menyokong langkah untuk mengadakan semula jawatan Hospital Assistants

dan saya harap sebagaimana juga telah diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong supaya kepentingan hospital private ditimbangkan dan apabila Menteri yang berkenaan melantik ahli Lembaga untuk mendaftar Hospital Assistants ini supaya tidak ketinggalan sekurang-kurangnya dijemput juga seorang wakil daripada persatuan hospital-hospital private supaya ada wakil dalam lembaga itu.

Saya juga membuat rayuan supaya mereka yang terkandung dalam golongan Hospital Assistants samada yang lama, yang sudah berpengalaman, yang sudah bersara, barangkali dapat dipanggil balik sekurang-kurangnya seorang menjadi ahli dalam lembaga ini dan apabila Hospital Assistants—jenerasi baru ini sudah dapat disusun semula sebagai satu golongan professional dapat menghantar ataupun dapat mewakili dalam lembaga ini kerana kita patut juga menganggap kerja ini sebagai satu kerja yang separa professional kalau tidak sepenuhnya professional. Sebaik-baiknya kita mesti menganjur dan menggalakkan supaya mereka yang menjadi Hospital Assistants ini masuk dalam usaha ini dengan perasaan dan keyakinan dan dengan semangat penuh masuk dalam satu golongan professional yang sanggup menjalankan kerja bagaimana juga orang-orang yang terdahulu dari mereka yang telah berjalan, berkhidmat kepada orang ramai dengan begitu baik. Saya harap semua usaha yang terputus pada satu masa dahulu satu pertalian akan timbul semula, semangat didikasi, semangat kerja, semangat berusaha menjaga orang sakit, macam juga doktor, macam juga Hospital Assistants pada masa yang lampau.

Saya harap ini akan menjadi satu langkah yang pertama yang barangkali membolehkan Kementerian Kesihatan kita mengadakan doktor yang cukup untuk keperluan kita, menimbangkan juga untuk memperluaskan sekim Hospital Assistants ini sehingga timbul satu golongan yang boleh membantu doktor samada dipanggil Medical Assistants dan sebagainya dan ditambahkan kemudahan-kemudahan untuk latihan ini setakat satu tempat di Seremban sahaja adalah tidak cukup dan saya sendiri menganggap kalau kita dapati bilangan Hospital Assistants ini kurang daripada bilangan doktor akan terbalik. Sepatutnya setiap doktor itu dibantu oleh lima atau sepuluh ataupun dua puluh

orang Medical Assistants itu. Oleh sebab itu, sepatutnya apabila sudah ada peraturan ini dan diadakan pula peraturan latihan yang lengkap, kemudahan latihan ini diperbesar dan diperluaskan sehingga dapat kita mengeluarkan dan mengadakan Hospital Assistants yang secukupnya yang boleh mempertinggi dan memperluaskan lagi perkhidmatan perubatan kita ke seluruh negeri.

4.00 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya gembira mendengar suara-suara dari pihak sana mengenai pembentangan Rang Undang-undang ini semalam dan pada hari ini untuk dibacakan kali kedua dan saya rasa bukan sahaja separuh daripada Ahli tidak membacanya, saya rasa dan saya percaya majority 90% ataupun lebih tidak membaca Rang Undang-undang ini. Ini bukan sahaja berlaku pada kali yang pertama, nampaknya sudah jadi satu tabiat. Ini sangat dikesalkan. Oleh kerana ini menunjukkan bukan sahaja tidak hormat kepada Ahli-ahli Pembangkang atau saya tetapi kepada Dewan ini, kepada semua Ahli-ahli oleh kerana adalah sangat mustahak semua Ahli diberi masa yang cukup untuk membaca, untuk berfikir dan untuk berhubung dengan orang-orang yang berkenaan yang akan terlibat dalam pelaksanaan atau implementasi Rang Undang-undang ini. Kita bukan superman dan dalam demokrasi, kita mesti mengadakan perundingan yang sangat mustahak dan tentulah dalam masa yang begitu singkat tidak cukup masa perundingan dibuat dengan orang-orang yang tertentu.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, dalam pendaftaran pembantu-pembantu hospital, mereka boleh memainkan satu peranan yang lebih penting dalam perkhidmatan perubatan di tanahair kita. Di sini saya hendak menggunakan peluang ini untuk memberi satu contoh kepada Dewan ini di mana Kementerian yang berkenaan boleh mengkaji peranan yang sepatutnya mesti dimainkan oleh pembantu-pembantu hospital.

Tuan Yang di-Pertua, pada 8hb Oktober tahun ini, seorang gadis bernama Jennifer Bernajee yang berumur 18 tahun yang bekerja sebagai seorang pekerja kilang dari Portuguese Settlement, Melaka telah mendapat penyakit lelah (asthma) sejak beberapa

tahun telah diserang dengan penyakit itu pada pukul 4.30 pagi hari itu juga. Pihak Hospital Besar Melaka telah dihubungi dan diminta menghantar sebuah ambulan dan gadis tersebut telahpun dibawa ke hospital melalui ambulan pada pukul 5.00 pagi. Serangan sakit asthma ini pada ketika itu adalah tidak serious dan Cik Jennifer sendiri telah menaiki ambulan tanpa apa-apa bantuan. Keluarga gadis tersebut tidakpun mengiringi gadis itu ke hospital kerana ini bukanlah kali pertama Jennifer dibawa ke hospital dengan ambulan secara bersendirian. Pada kali ini selain daripada dreber ambulan dan attenden ambulan, tidak ada seorang pembantu hospital atau jururawat yang mengiringi ambulan tersebut. Setengah jam selepas Jennifer dibawa ke hospital, keluarga beliau menerima satu pesanan melalui talipon awam yang terletak di Kawasan Portuguese yang mengatakan bahawa gadis tersebut telah meninggal dunia. Ini juga telah disahkan pada masa itu oleh pihak polis. Anggota-anggota keluarganya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, apa kaitannya perkara ini dengan Rang Undang-undang?

Tuan Lim Kit Siang: Perkara ini adalah mengenai peranan pembantu hospital. Saya akan tunjukkan mengapa pembantu hospital mesti mengikut ambulan supaya boleh memberi pertolongan kepada orang yang sakit. Oleh kerana tidak ada itu, ada berlaku kematian yang mungkin boleh dielakkan. Saya harap dengan pendaftaran pembantu hospital bukan sahaja mendaftarkan pembantu-pembantu hospital tetapi mereka boleh memainkan satu peranan yang lebih baik dan lebih bererti

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu tak apa, itu bagus, tetapi sila

Tuan Lim Kit Siang: Jadi saya mahu beri satu contoh, tunjukkan satu perkara yang sebenarnya ada berlaku untuk menitikberatkan perkara ini. Itu sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Lim Kit Siang: Anggota keluarga gadis tersebut selepas itu berkejar ke Hospital Besar Melaka dan diberi tahu bahawa mayat gadis itu terletak di atas trolley di bawah tangga-tangga di admission

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tak habis lagi cerita ini?

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis lagi, ada sedikit panjang, tak panjang seperti keretapi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi kalau panjang sangat, saya tidak izinkan, kerana perkara ini hendaklah ada hubungan dengan tujuan dan maksud Rang Undang-undang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Baharu sahaja saya terangkan akibat-akibat yang timbul di mana tidak ada pembantu-pembantu hospital di ambulan itu. Itu sahaja yang saya mahu sebut, saya tidak akan sebut lain-lain hal.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, tak usah sebut lain-lain hal. Sebab itu diadakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi. Supaya memastikan perkara ini tidak berlaku lagi. Menteri berkenaan mesti tahu butir-butir mengenai perkara yang berlaku ini dan saya percaya Yang Berhormat Menteri hendak tahu perkara ini kerana dengan membuat begitulah perkara ini baharu boleh disiasat, boleh elak perkara ini dari berlaku. Ini untuk mendapatkan satu pengajaran kepada kita.

Boleh saya sambung?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sambung yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Perkara ini belum habis. Dia mati tetapi perkara ini belum habis.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebab itulah diadakan Rang Undang-undang ini untuk mengadakan Lembaga Mendaftar Pembantu-pembantu Hospital. Jadi cerita itu habislah. Buat cerita lain pula.

Tuan Lim Kit Siang: Cerita itu belum habis, sebab itu saya harap Lembaga ini boleh dapat butir-butir sepenuhnya mengenai perkara ini, oleh kerana sekiranya Lembaga ini tidak dapat tahu butir-butir ini, bagaimana Lembaga ini akan tahu apa yang patut dibuat, apa mesti dapat difikirkan dan mesti ditimbangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Biarlah ditubuhkan dahulu Lembaga ini, belum ditubuhkan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebab itu tujuan kita di sini ialah memberi panduan kepada Lembaga yang akan ditubuhkan. Saya harap Ahli-ahli Lembaga akan baca *Hansard* ini untuk dapat satu panduan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, ringkaskan sahaja!

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan ringkaskan perkara ini. Keluarga gadis ini pergi ke hospital dan diberi tahu bahawa gadis itu telah mati. Mereka juga diminta bawa balik mayat gadis itu ke rumah, jika tidak, mayat itu akan dihantar ke mortuary. Tetapi hospital tidak mahu mengeluarkan satu sijil kematian atas alasan gadis itu mati on arrival. Tetapi soal di sini ialah siapa yang bertanggungjawab selepas seorang masuk ambulan? Sekiranya ada seorang hospital assistant dalam ambulan itu, barangkali beliau boleh dapat memberi pertolongan cemas kepada seorang yang sakit itu, seorang yang perlukan pertolongan. Keadaan sekarang ialah dalam satu ambulan seorang pesakit yang masuk ke dalam ambulan itu dapat bantuan kerana terdapat tidak adapun hospital assistant. Apabila sampai ke rumah sakit, jika dia dari kampung yang jauh, ia akan mengambil masa satu jam, atau setengah jam, bila dia mati, apa guna panggil ambulan. Tetapi dalam perkara ini distance sangat dekat hanya dua atau tiga batu sahaja tetapi apabila sampai sahaja ke hospital pesakit itu mati. Adakah dia mati sebelum sampai ke hospital atau selepas sampai hospital? Saya dapat tahu ada seorang saksi yang melihat gadis ini turun daripada ambulan dan selepas itu dia jatuh (collapse). Itulah sebabnya jika ada seorang pembantu hospital, perkara ini tidak akan berlaku dan tentulah mesti ada hospital assistant dalam ambulan untuk memberi pertolongan kepada sesiapa. Oleh sebab itu mengakibatkan kesusahan kepada mereka kerana terpaksa membawa mayat balik ke rumah, cari dresser dari Perbandaran untuk keluaran sijil kematian dan dresser itu tidak mahu keluaran sijil kematian oleh kerana selepas empat jam, dia tengok dia tak puas hati yang gadis ini mati. Lagi dua jam, cari seorang doktor per-sendirian sampai pukul 11.00, 6 jam sudah lepas, baharu disahkan gadis itu telah mati.

Oleh sebab itu dalam Portuguese Settlement semua orang percaya gadis itu walaupun dikatakan telah meninggal dunia oleh pihak hospital, gadis itu sebenarnya tidak meninggal dunia. Kedua, sijil kematian tidak dikeluarkan, yang mengakibatkan kesukaran. Saya harap perkara ini mengandungi dua tiga soalan yang boleh dapat diatasi dalam masa hadapan.

Yang pertama, apabila seorang pesakit masuk ke dalam ambulan, seorang yang boleh memberi pertolongan harus berada di dalam ambulan.

Yang kedua, apabila seorang masuk ambulan ternyata ia menjadi tanggungjawab rumahsakit. Jangan perkara ini berlaku lagi di mana pihak hospital berkata walaupun pesakit itu telah masuk ambulan tetapi apakala sampai ke hospital telah meninggal dunia, pihak hospital tidak bertanggungjawab, tidak mahu mengeluarkan Sijil Kematian siapa susah? Orang ramai susah bukan pihak hospital. Dan perkara ini menimbulkan kesusahan yang sangat kepada orang ramai. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh mengadakan satu enquiry yang umum untuk menyiasat dengan menyeluruh apa yang sebenarnya telah berlaku. Dan itulah satu perkara saya harap Lembaga-Lembaga Pembantu Hospital dan Yang Berhormat Menteri sendiri boleh mengambil perhatian yang berat oleh kerana perkara-perkara semacam ini, kematian-kematian yang boleh dielakkan berlaku seringkali. Saya rasa itu tidak akan memberi credit kepada perkhidmatan perubatan di tanahair kita.

4.21 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Mohd. Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) ini menukulkan satu Lembaga, memandangkan telah tibalah masanya, kerana selama ini pembantu-pembantu hospital kita tidak mempunyai suatu kedudukan. Dengan adanya Lembaga ini saya percaya pembantu-pembantu hospital merasai yang mereka itu telah diberi satu kedudukan yang tertentu dan diakui oleh pihak Kerajaan dan juga dalam bidang-bidang masyarakat.

Kita semua sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, pembantu hospital adalah memainkan peranan yang penting dalam pentad-

biran, dalam pembancuh ubat, dalam segala-galanya masalah perkhidmatan dalam hospital. Jadi selama ini mereka ini apabila telah berhenti mereka tidak mempunyai tempat yang tertentu dan mereka tidak mempunyai satu badan yang boleh mereka mengadu untung nasib mereka. Mereka pergilah ke sana ke mari untuk hendak mendapatkan pekerjaan sendiri dan dalam pada itu pula mereka ini bolehlah dianggap sebagai semi professional people iaitu jumlah orang-orang yang mempunyai suatu kedudukan yang pada pandangan rakyat biasa mempunyai suatu kebebasan terutamanya sekali dalam bidang perubatan. Dengan adanya lembaga ini kelak saya berharap bertambah baiklah kedudukan dan perkhidmatan dan disiplin daripada segi pentadbiran semua pembantu-pembantu hospital, sebab di dalam Bil ini saya nampak terutamanya di dalam Fasal 22 iaitu kuasa-kuasa untuk Menteri boleh mengadakan peraturan-peraturan. Saya berharap di sini pihak Kementerian akan dapat mengadakan peraturan-peraturan yang sesuai dengan keadaan yang dikehendaki di dalam negara kita ini iaitu memandangkan hospital assistants ini ialah terdiri semua bangsa dan juga mereka ini berhadapan dengan orang ramai.

Ada satu perkara di dalam Fasal 22 untuk saya menarik perhatian Menteri yang berkenaan, Tuan Yang di-Pertua, iaitu masalah (e) dan (f) di situ ada disebutkan ada bayaran yang patut dibayar kepada pembantu-pembantu hospital ini sekiranya hendak memasuki peperiksaan. Saya harap sangatlah pembayaran ini tidaklah terlampau tinggi sehinggalah boleh menghalang Pembantu Hospital ini untuk memasuki peperiksaan. Dan juga (f) mengenai bayaran-bayaran yang kena dibayar kepada pemeriksa-pemeriksa. Kalau perkara ini pembantu hospital sendiri yang terpaksa membayarnya, saya harap perkara (f) ini eloklah diambilalih oleh pihak Kementerian sendiri supaya pembantu-pembantu hospital tidak terlibat menanggung untuk membayar segala peperiksaan-peperiksaan yang mereka akan hadapi.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, masalah latihan. Kita tahu iaitu doktor diberi juga peluang keluar negeri untuk menambahkan pengetahuan mereka untuk menyesuaikan keadaan peredaran masa dalam bidang perubatan. Kita berharap dengan adanya Lembaga ini mengikut Fasal 22 itu juga iaitu akan mengadakan pusat-pusat

latihan bagi pembantu-pembantu hospital ini dan pusat-pusat latihan ini kita berharap akan dapat menyamai kehendak-kehendak masyarakat kita dalam bidang perkhidmatan supaya latihan-latihan mereka itu samalah juga dijalankan seperti guru-guru dalam perkhidmatan mereka di sekolah-sekolah ada perubahannya daripada suatu masa ke suatu masa yang dikatakan latihan ulangkaji atau dalam bahasa Inggerisnya, saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, refresher course kepada pembantu-pembantu hospital ini.

Satu perkara lagi selalu apabila pihak Kerajaan hendak menubuhkan suatu Lembaga tentulah menimbulkan keraguan serba sedikit daripada kalangan orang-orang yang akan menjadi ahli, dan di sini oleh sebab kuasanya itu penuh ada kepada Menteri dan Pengerusinya juga terdiri daripada pegawai Kerajaan yang tertinggi dalam Kementerian itu dan saya minta supaya tidaklah menimbulkan salah sangka seolah-olah nanti pihak Kementerian boleh menyalahgunakan kuasa melalui Lembaga setelah ia ditubuhkan.

Satu perkara lagi saya suka memberi ingatan, Tuan Yang di-Pertua, kepada pembantu-pembantu hospital pula iaitu setelah mereka itu diterima menjadi ahli dalam Lembaga ini janganlah pula ini menjadi satu tangga pula untuk mereka minta kepada Kementerian menuntut naik gaji. Saya minta sangat kepada pembantu-pembantu hospital jangan menuntut naik gaji.

Kita selalu dengar banyak orang berkata apa salahnya pembantu hospital ini diberi peluang untuk mereka mengambil peperiksaan mengikut saluran sehingga mereka boleh masuk Fakulti Perubatan di mana-mana universiti dan akhirnya mereka boleh menjadi doktor. Kita berharap dengan adanya Lembaga ini mereka akan berpeluang kelak. Inilah dia serba sedikit harapan saya dan dengan ini saya menyokong penuhlah Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1976 diluluskan.

4.26 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menatapi Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, apa yang terfikir oleh saya adalah Rang Undang-undang ini memang perlu untuk mengadakan satu perkhidmatan yang

lebih cergas dan lebih baik. Walau bagaimanapun, sebelum saya menyokong dua, tiga perkara, saya suka membawa perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada nama Lembaga sebagaimana yang tercatat di dalam Bahagian II. Sebenarnya, di dalam Bahasa Malaysianya saya tidak begitu faham sesudah saya pusing kepada Bahasa Inggerisnya baharu saya tahu, kerana di dalam Bahasa Kebangsaannya, bukan pula saya jaguh di dalam Bahasa Kebangsaan, tetapi dia mengatakan Lembaga Pembantu Hospital (Pendaftaran), saya fikir Pendaftaran Hospital. Saya berpendapat lebih tepat namanya kalau kita kata: Lembaga (Pendaftaran) Pembantu Hospital mengikut istilah Inggerisnya lagi lebih tepat nama yang saya sebutkan itu dalam Bahasa Malaysianya iaitu Lembaga (Pendaftaran) Pembantu Hospital.

Walaupun bagaimanapun, a rose by any name smells as sweet. Saya suka menyentuh beberapa perkara, pertamanya saya merujuk kepada Fasal 9. Fasal 9 menerangkan: Orang-orang yang berhak didaftarkan iaitu 9 (1) (a) dan (b). Saya meminta pihak yang berkenaan dapat menitik-beratkan dan menimbangkan juga bekas-bekas perajurit yang telah berkhidmat sekian lama di Angkatan Tentera Bersenjata di Bahagian Perubatan. Mereka ini mempunyai pengalaman yang luas tetapi kerana tidak ada diakui pengalaman dan juga qualificationnya, maka kebanyakan daripada mereka yang telah bersara tidak dapat perhatian yang sewajarnya untuk menyambung perkhidmatan di Public Service sebagai pembantu hospital. Jika mereka ini diberi peluang untuk duduk dan diperiksa sebagaimana yang dikehendaki, saya percaya bekas-bekas perajurit ini boleh memberi perkhidmatan lagi kepada negara kita.

Yang Kedua, saya suka menarik pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai kenaikan pangkat kepada Ketua Jururawat Hospital dan juga Penyelia Jururawat Hospital. Di dalam senarai kenaikan pangkat iaitu daripada tahun 1974/1975 hingga bulan April, 1976 dan 45 orang yang telah dinaikkan pangkat kepada Ketua Jururawat Hospital dan juga kepada Penyelia Jururawat Hospital. Daripada 45 orang ini saya dapati 23 daripadanya ditempatkan di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa jikalau jawatan-jawatan Pembantu Hospital Kanan ini ditempatkan hanya di

pekan-pekan besar maka bertentanganlah dengan hasrat Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup mereka yang tinggal di luar bandar. Apa yang saya berharap ialah supaya Yang Berhormat Menteri Kesihatan menitik-beratkan juga perkara-perkara berkenaan dengan kesihatan orang-orang di luar bandar dan membuat satu cara di mana Hospital Assistants yang kanan ini dapat digilir-gilir atau ditukarkan berkhidmat di luar bandar. Di luar bandar jikalau orang-orang yang tidak begitu mempunyai pengalaman ditempatkan maka layanan yang tidak sewajarnya diberi kepada mereka yang berada di luar bandar, walhal orang-orang di dalam bandar semua mempunyai wang, mempunyai facilities yang lain dan kita dapati pula berpuluh-puluh private hospital dan juga doktor-doktor prebet di mana orang di luar bandar boleh menerima rawatan.

Saya juga suka menyentuh berkenaan dengan satu perkara yang lain iaitu memandangkan kepada penduduk-penduduk di negara kita ini di mana kaum Melayu dan China adalah lebih ramai lagi daripada kaum India walhal dari segi kenaikan pangkat yang saya sebutkan tadi lebih 50% adalah daripada kaum India.

Di sini saya bukan hendak menimbulkan perasaan perkauman, Tuan Yang di-Pertua, tidak sekali-kali. Sebagai Ahli Dewan Rakyat dan sebagai wakil rakyat, saya mewakili orang Melayu, orang China dan juga orang India juga kaum-kaum yang lain. Tetapi apa jua pilihan yang dibuat hendaklah menggambarkan keadaan seimbang kaum-kaum yang ada di Malaysia ini, terutamanya kita mengetahui bahawa kebanyakan mereka yang tinggal di luar bandar adalah daripada kaum Melayu, jika kaum yang bukan Melayu ditempatkan di luar bandar tentu sahaja ada kerumitan perhubungan berkenaan dengan bahasa dan sebagainya, kerana orang-orang daripada kaum lain itu tidak dapat menyampaikan satu-satu kepada orang-orang yang tinggal di luar bandar. Dengan sebab itu hendaklah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil berat tentang kenaikan pangkat ini supaya kaum Melayu dan kaum China yang berkhidmat di Jabatan Kesihatan jua diberi layanan sewajarnya, tidak hanya kenaikan pangkat itu dapat kepada satu kaum yang kecil di negara kita.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan mengalu-alukan Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1976.

4.35 ptg.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan berkenaan dengan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh saya di Dewan ini pada petang ini.

Sebelum saya menjawab satu persatu soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, saya suka sekali memberi sedikit penjelasan mengenai sejarah Hospital Assistants di dalam negara kita ini.

Sebelum merdeka (independence) dahulu sebenarnya golongan jururawat-jururawat yang berkhidmat di hospital adalah terdiri dari dua golongan iaitu perempuan dan lelaki. Pada masa itu mereka semua dipanggil dengan nama Jururawat Hospital. Akan tetapi pada tahun 1950 semua jururawat lelaki atau perempuan ini dikenakan syarat mendaftar di bawah Akta Lembaga Jururawat Malaya. Jadi tiap-tiap jururawat mestilah didaftarkan oleh Lembaga barulah boleh diakui oleh Kerajaan serta juga mengambil kerja dan berkhidmat di dalam hospital atau Institusi-institusi Perubatan yang lain.

Kalau tidak silap saya pada tahun 1954 atau 1955 male nurses itu tidak puas hati oleh kerana mereka tidak mahu menerima arahan-arahan daripada Matron atau Sisters dan sebagainya yang berkhidmat di Hospital. Dengan sebab itu mereka mencadangkan male nurses akan ditukar namanya sebagai Hospital Assistants, seterusnya golongan male nurses itu ditukarkan dengan nama Hospital Assistant sampai sekarang. Kita juga ada mempunyai satu golongan Hospital Assistants yang dipanggil Estate Hospital Assistants yang diletakkan di dalam kawasan estate atau kebun-kebun getah yang besar. Di situ mereka telah mengadakan Pertubuhan Hospital, tetapi tarafnya adalah rendah sedikit. Mereka juga telah mengadakan satu Akta yang diluluskan di Dewan ini pada tahun 1965 mengenai Estate Hospital Assistants Board.

Jadi, Rang Undang-undang yang dikemukakan pada hari ini sebenarnya adalah satu hasrat daripada golongan Hospital Assistants

yang berkhidmat dalam Kerajaan melalui Persatuan Pembantu Hospital dan mencadangkan sesuailah diadakan satu Board untuk mengadakan satu status seperti jururawat hospital di negara kita. Dan juga deraf Bil ini bukan sahaja pegawai-pegawai di bawah Kementerian saya yang menderafnya, akan tetapi seorang wakil khasnya Pengerusi Persatuan Pembantu Hospital sebagai wakil Persatuan itu juga menderaf Bil ini yang dikemukakan pada Dewan yang mulia pada hari ini. Jadi yang sebenarnya fasal-fasal ini dipersetujui oleh Persatuan yang berkenaan, jadi tidaklah timbul tuduhan mengatakan bahawa deraf Undang-undang ini dibuat oleh sebelah pihak Kerajaan sahaja, sebab pihak Persatuan sendiri ada memberikan pandangan-pandangan serta juga fikiran mereka yang sesuai dengan deraf Akta ini seperti yang sedang dibahaskan hari ini.

Berkaitan dengan teguran dan cadangan Ahli dari Kepong yang mengatakan Lembaga itu cuma dua orang sahaja yang disebut namanya iaitu Pengerusi atau Ketua Pengarah Perubatan dan juga Setiausaha, tetapi ahli-ahli lain tidak disebutkan dalam Akta ini dan beliau harap ahli-ahli yang dilantik oleh Menteri janganlah tidak ada gigi (toothless) yang menjadi rubber stamp sahaja. Saya suka mengatakan itulah sebab kita mencadangkan ahli-ahli yang akan dilantik atau digantikan oleh Menteri sebagai ahli-ahli yang bertanggungjawab. Jadi Menteri yang bertanggungjawab yang akan memilih ahli-ahli yang sanggup memberikan fikiran yang konstruktif dan progresif serta juga bercakap dan bersuara dalam mesyuarat Lembaga yang akan ditubuhkan pada masa yang akan datang. Saya memberi jaminan di sini kepada Ahli dari Kepong bahawa semua ahli yang akan saya lantik adalah mereka yang dinamik, aktif dan mengambil peranan yang penting dalam Lembaga yang akan ditubuhkan pada masa akan datang. Beliau juga mencadangkan oleh kerana perkembangan hospital perebet di negara kita, patut diadakan wakilnya, itu memang benar pada hari ini khasnya di Semenanjung Malaysia kita mempunyai lebih 8 buah hospital perebet maka Kementerian, khasnya saya sendiri akan mengambil perhatian. Jadi seorang ahli mewakili hospital perebet akan dilantik dalam Lembaga ini untuk mewakili pembantu-pembantu hospital yang berkhidmat di hospital perebet di seluruh negara kita. Akan tetapi mereka itu mestilah mempunyai

kelayakan sebagai pembantu hospital yang diakui oleh Kerajaan. Dengan ini saya harap Ahli dari Kepong janganlah khuatir mengenai lantikan seorang wakil dari hospital perebet.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, saya ucapkan terima kasih kepada beliau berkait dengan peranan yang penting yang dimainkan oleh pembantu hospital dan beliau mencadangkan sebuah sekolah latihan pembantu hospital didirikan di Kota Bharu. Saya suka memberi sedikit keterangan di sini bahawa sekolah latihan pembantu hospital yang telah didirikan di Seremban sekarang telah mengambil penuntut bukan 240 orang tetapi 180 orang setahun. Akan tetapi bila sampai kepada masa menjalani latihan yang mengambil masa tiga tahun ini kadang-kadang dalam masa latihan ada penuntut itu yang lari keluar kerana mendapatkan pelajaran lain.

Ini suatu pengalaman bagi Kementerian saya dan dengan pengalaman ini langkah yang sesuai akan diambil. Jika ada penuntut-penuntut itu yang lari daripada latihan, mereka itu akan dikenakan denda membayar balik pocket allowance \$100 sebulan kepada Kerajaan. Jadi dengan itu kita harap semua penuntut-penuntut yang memasuki latihan di sekolah itu akan terus belajar dan mendapat kelulusan untuk melaksanakan hasrat Kementerian supaya bilangan pembantu hospital itu akan mencukupi serta berkhidmat, khasnya di kawasan luar bandar serta juga di hospital besar dan hospital daerah pada masa akan datang. Jadi setakat ini Kementerian Kesihatan tidaklah mempunyai rancangan untuk mendirikan sebuah pusat latihan pembantu hospital di Kota Bharu oleh kerana keperluan bilangan pembantu hospital itu adalah mencukupi sekarang. Jadi menjadi tugas Kerajaan kita terhadap seseorang penuntut yang dilatih oleh Kerajaan menjaminkan pekerjaan kepada mereka itu. Dan kita tidaklah boleh sesuka hati sahaja mengambil pelatih tetapi selepas latihan itu tak dapat memberikan pekerjaan kepada mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas, saya ucapkan terima kasih atas pandangan beliau akan tetapi suasana di dalam masyarakat kita ini telah berubah dari semasa ke semasa. Pada masa yang lalu sebelum dan selepas Perang Dunia Yang Kedua, Hospital Assistants itu memanglah sangat aktif, mengambil peranan yang penting untuk memeriksa sakit ringan dan untuk memberikan

ubat-ubat kepada pesakit-pesakit yang berkenaan di hospital besar dan juga di hospital-hospital daerah dan juga Mobile Dispensary Unit tetapi fikiran pada hari ini telah berlainan oleh kerana pelajaran kita telah bertambah tinggi. Jadi banyak pesakit-pesakit kita ini hendak mendapatkan pemeriksaan oleh doktor (perubatan yang berijazah dan juga banyak orang kita pada hari ini bukan hendak mendapatkan) pemeriksaan penyakitnya dengan doktor biasa sahaja tetapi diminta specialist atau consultant untuk memeriksa mereka. Ini menunjukkan pelajaran kita telah bertambah tinggi, jadi hasrat daripada rakyat itupun telah bertambah tinggi. Jikalau hospital-hospital kita ini tidak memeriksa kepada seseorang pesakit, dia tidak percaya dan mahu berjumpa dengan doktor dan juga tiap-tiap hospital kita sekarang ini mempunyai Pegawai Perubatan yang lebih jika dibandingkan pada masa yang lalu.

Memang betul ada Hospital Assistants itu telah dilantik sebagai Administrative Officers pada masa yang lalu, akan tetapi sekarang ini tiap-tiap hospital kita ada M.O. (Medical Officer) yang menggantikan sebagai Administrative Officer dan juga doktor-doktor yang lain berkhidmat di hospital. Boleh dikatakan tiap-tiap hospital daerah yang kecil seperti di Tanjung Karang, kita mengadakan lima orang doktor dan juga hospital daerah di Jerreh, Trengganu kita telah mengadakan empat orang doktor di situ sungguhpun kita mengadakan 120 buah katil sahaja. Di tiap-tiap hospital sekarang ini kita mengadakan lebih doktor, jadi soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas itu barangkali tidak berapa sesuai lagi. Kita mesti mengikuti apakah ubat-ubat moden dan juga fikiran-fikiran moden dan pandangan-pandangan moden daripada negeri-negeri yang lain khasnya penasihat-penasihat daripada W.H.O. dan Kementerian Kesihatan ini ada menjalankan berbagai-bagai rancangan mengikut nasihat-nasihat oleh pakar-pakar daripada W.H.O. yang nasihat-nasihat itu telah diterima oleh Kementerian Kesihatan untuk terus menjalankan tugas-tugasnya atau polisinya seperti dinasihatkan oleh W.H.O., begitu juga memandang hasrat-hasrat daripada rakyat kita sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, memang beliau tidak ada di sini, selepas bercakap beliau selalu keluar, ini satu

characteristic Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka; tidak apalah. Berkaitan teguran beliau itu yang sebenarnya tidak ada kaitan dengan Rang Undang-undang ini tetapi saya sendiri tidak tahu perkara ini apakah yang disebutkan oleh beliau itu, saya akan menyiasat. Jadi di sini saya tidak bolehlah memberikan apa-apa jawapan yang disebutkan oleh beliau itu dan saya harap beliau telah menerima surat daripada Melaka, saya sendiri telah melantik beliau sebagai Ahli Parlimen untuk menjadi Ahli Pelawat Hospital di Melaka. Jadi beliau boleh melihat sendiri, beliau boleh bertugas bercakap dan berdialog dengan doktor-doktor di Hospital Besar Melaka yang selalu beliau cakap di sini dan menimbulkan perkara-perkara yang beliau fikir satu peluang untuk mendapatkan publisiti yang baik untuk beliau dan membuat tuduhan kepada Kerajaan mengenai perbuatan yang baik untuk beliau dan membuat tuduhan kepada Kerajaan mengenai perbuatan yang tidak betul. Jadi beliau pada masa yang akan datang, saya harap akan bertanggungjawab lebih sedikit.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak menyentuh berkenaan examination fees, berhubung dengan Fasal 22 (e) dan (f). Ini telah dipersetujui oleh union sendiri. Ini adalah selaras dengan Lembaga Jururawat Malaysia, bukan ada berlainan. Jadi saya percaya perkara ini tidak ditimbulkan lagi. Berkaitan dengan ada Hospital Assistant yang bijak, yang pandai dan sebagainya; mereka itu memasuki Fakulti Perubatan, ini terpujanglah kepada seseorang, jikalau mereka ada kelayakan yang baik, lulus peperiksaan H.S.C., mendapat kelulusan yang tinggi khasnya mata pelajaran berkaitan dengan perubatan, maka saya percaya mereka akan mendapat peluang untuk memasuki Fakulti Perubatan. Ini terpulang kepada Fakulti itu. Saya sebagai Menteri tidak berhak untuk campurtangan (intervene) apa-apa langkah yang sesuai akan diambil oleh Fakulti Perubatan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada menyebutkan dua tiga perkara khasnya berkaitan dengan kenaikan pangkat. Kenaikan pangkat oleh jururawat-jururawat ini yang sebenarnya bukan dibuat keputusan kepada orang perseorangan. Ini adalah satu Promotion Board, satu Lembaga Kenaikan Pangkat. Mengenai 50 peratus kenaikan pangkat daripada kaum India sahaja, itu

saya tidak tahu, saya tidak campurtangan, oleh kerana ini terpulanglah kepada pegawai-pegawai kanan di dalam Promotion Board itu. Jikalau apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu benar, maka barangkali ini satu coincidence, ada golongan yang lebih dapat kenaikan pangkat kerana kelayakan mereka itu adalah sangat sesuai dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat itu.

Berkaitan dengan hospital assistants kanan hendaklah dihantar ke kawasan luar bandar, saya suka memberi sedikit keterangan di sini bahawa pegawai-pegawai kanan atau pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman yang tinggi, kadang-kadang mereka itu jikalau ditempatkan atau dihantar di kawasan luar bandar, oleh kerana kekurangan kemudahan, maka sungguhpun mereka ada pengalaman yang baik tetapi tidak ada mencukupi kemudahan yang sesuai, maka ini akan menimbulkan satu perasaan yang tidak puas hati. Saya fikir cadangan ini tidak begitu bagus.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hospital assistants daripada tentera, jikalau mereka itu bersara apabila sampai umurnya 35-40 tahun dan sebagainya; saya sudahpun mengambil perhatian. Jika ada pengalaman di Hospital Trendak, sebagai hospital assistant di situ dan latihannya adalah selaras dengan pembantu-pembantu hospital di Kementerian Kesihatan, maka Kementerian Kesihatan akan mengambil mereka memasuki berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Ini memanglah tugas Kerajaan dan kita tidak ada perbezaan di antara

Kementerian Kesihatan dan juga kakitangan yang mendapat latihan di bawah Kementerian Pertahanan.

Inilah sahaja jawapan yang dapat saya berikan dan saya ucapkan sekali lagi ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan berbagai-bagai pandangan dan dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 22 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Rabu, 27hb Oktober, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.06 petang.